

Perumahan – Part 3 (2015):

Utusan Malaysia (cont.):

Kerajaan serah kepada UDA

Perumahan rakyat usang di ibu negara

OLEH MAISARAH SHEIKH RAHIM (PENGARANG@UTUSAN.COM.MY) | 04 Oktober 2015 12:19 AM

KUALA LUMPUR 3 Okt. - UDA Holdings Berhad (UDA) diminta membangunkan semula perumahan rakyat usang di sekitar ibu negara melalui gaya pembangunan moden. Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Johari Abdul Ghani berkata, kerajaan akan membantu memandangkan tiada pemaju perumahan swasta dibenarkan berbuat demikian atau membangunkan projek komersial di atas tanah perumahan awam tersebut.

Dalam masa sama, kata beliau, tanah bernilai tinggi seperti di sekitar kawasan berhampiran kemudahan pengangkutan awam perlu diberi keutamaan untuk membina perumahan mampu milik berbanding hanya menumpukan pembangunan perumahan mewah demi memenuhi agenda sosial negara.

Menurutnya, beliau pasti kerajaan menyalurkan peruntukan setiap tahun kepada kementerian berkaitan untuk membina perumahan rakyat, tetapi masalah yang mereka hadapi ialah tiada tanah bersesuaian untuk pembangunan itu. "Jadi, kerajaan perlu bantu mendapatkan tanah-tanah ini untuk membangunkan perumahan mampu milik. "Walaupun menjual rumah kos rendah tetapi lokasinya di pinggir-pinggir bandar, matlamat untuk membantu rakyat berpendapatan rendah tidak akan tercapai apabila mereka terpaksa berulang-alik jauh sekiranya bekerja di pusat bandar sekali gus meningkatkan kos pengangkutan dan sebagainya," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan projek terbaharu UDA, Anggun Residences di sini hari ini. Yang turut hadir Pengarah Urusan Kumpulan UDA, Datuk Ahmad Abu Bakar. Projek pembangunan berkonsepkan servis apartmen 384 unit itu terletak di tengah-tengah pusat bandar raya Kuala Lumpur di Jalan Sultan Ismail dengan nilai pembangunan RM400 juta. Projek yang dimulakan tiga bulan lalu dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2017 dan sebahagian daripada projek Greater Kuala Lumpur.

<http://www.utusan.com.my/berita/nasional/kerajaan-serah-kepada-uda-1.142459>

Harga rumah: Azmin usah berdolak-dalik

ABDUL YAZID ALIAS | 27 Oktober 2015 1:44 AM

SHAH ALAM 26 Okt. - Kerajaan PKR Selangor tidak perlu berdolak-dalik dengan memberi alasan enggan mewujudkan satu dasar khusus bagi mengawal harga rumah melambung di negeri ini. Penyelaras Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Barisan Nasional (BN) Selangor, Mat Nadzari Ahmad Dahlan berkata, kerajaan negeri tidak perlu memberi pelbagai alasan untuk tidak me-lakukan

sesuatu mengenai isu tersebut memandangkan mereka mempunyai bidang kuasa tertentu yang boleh dijadikan faktor asas dalam mengurangkan kos serta harga perumahan seperti premium tanah dan harga pasir.

Menurutnya, kerajaan PKR Selangor khususnya Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali tidak perlu menyatakan tidak boleh mengawal harga perumahan sedangkan selama ini pernah mengumumkan mahu memberi perhatian kepada beban kewangan rakyat berpendapatan rendah dan sederhana. "Malah, kerajaan negeri termasuk Menteri Besar sendiri dilihat seringkali menggunakan isu beban kewangan rakyat termasuk perumahan sebagai modal untuk mengkritik kerajaan Pusat. "Jika begitu, mengapa kerajaan negeri dan Menteri Besar sendiri tidak berusaha untuk mengurangkan beban rakyat dengan mengawal harga rumah di Selangor? Jangan hanya tahu bercakap tetapi tidak berbuat sesuatu," katanya ketika dihubungi Utusan Malaysia di sini hari ini.

Tambah Mat Nadzari, kerajaan negeri sepatutnya mencari kaedah sesuai untuk menangani kenaikan harga perumahan khususnya kepada golongan berpendapatan sederhana yang tidak layak memohon rumah mampu milik daripada kerajaan negeri dengan menyediakan insentif khas kepada pemaju seperti pengurangan premium tanah. Malah jelasnya, kerajaan negeri yang memonopoli industri pasir ketika ini juga boleh mengambil langkah mengurangkan harga sumber alam itu untuk menstabilkan kos pembinaan projek perumahan yang akhirnya dapat mengurangkan harga ke atas pembeli.

"Setidak-tidaknya, kalau tidak dengan pemaju swasta, kerajaan negeri boleh mengambil inisiatif pengurangan sedemikian menerusi kerjasama dengan kerajaan Pusat melalui projek perumahan rakyat di bawah PR1MA (Projek Perumahan Rakyat 1Malaysia) atau SPNB (Syarikat Perumahan Negara Berhad)," ujarnya.

Sabtu lalu, Mohamed Azmin berkata, pentadbirannya tidak akan mengadakan dasar tertentu untuk mengawal harga pasaran perumahan walaupun mengakui nilai hartanah tersebut melambung tinggi ketika ini. Menurutnya, kerajaan negeri tidak ada keperluan mengadakan dasar tersebut memandangkan harga perumahan ditentukan oleh pasaran bebas berdasarkan faktor permintaan dan penawaran. Sebaliknya, beliau memaklumkan yang kerajaan negeri hanya boleh memberi tumpuan terhadap soal penyediaan rumah mampu milik kepada golongan berpendapatan rendah dan sederhana dengan nilai tidak melebihi RM250,000 sebuah.

<http://www.utusan.com.my/berita/politik/harga-rumah-azmin-usah-berdolak-dalik-1.151155>

30,000 unit rumah pelbagai kategori dibina di Pahang

29 Oktober 2015 12:42 AM

LIPIS 28 Okt. – Sebanyak 30,000 unit rumah pelbagai kategori di bawah penyelenggaraan kerajaan negeri, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Felda diba-ngunkan di seluruh negeri sehingga kini pada tahun ini.

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Perbandaran negeri, Datuk Wan Rosdy Wan Ismail berkata, projek terdiri daripada Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1-MA), rumah mesra rakyat, perumahan

generasi kedua Felda dan Perumahan Kekal Mangsa Banjir (PKMB) itu bermula awal tahun ini dan dibangunkan secara berpe-ringkat di seluruh negeri. "Kerajaan negeri dan agensi terlibat masih menerima permohonan daripada penduduk manakala pemprosesan secara berperingkat sedang dilaksanakan untuk memili mereka yang layak menduduki kediaman itu," katanya kepada pemberita selepas menyaksikan proses pengundian lot kediaman PKMB di Kampung Bukit Betong, Jelai dekat sini hari ini.

Yang hadir sama Ketua Penolong Pegawai Daerah, Mohamad Abdullah; Jurutera Jabatan Kerja Raya (JKR) Lipis, Ir. Zakaria Semail dan Penghulu Mukim Jelai, Ashyar Amin Ahmad. Menurut Wan Rosdy, usaha kerajaan negeri membina lebih banyak perumahan rakyat pada harga kompetitif dan selesa merupakan antara mekanisme dalam memberi keutamaan terhadap kebajikan penduduk berpendapatan rendah untuk memiliki kediaman selesa serta mewujudkan masyarakat sejahtera. "Perkara ini bertepatan dengan aspirasi Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak menerusi Bajet 2016 baru-baru ini apabila membentangkan sejumlah peruntukan pelbagai kategori projek perumahan tanpa membebankan rakyat," katanya.

Sementara itu, mangsa banjir, Wan Zulkifli Wan Ismail, 46, ber-syukur kerana PKMB sudah siap dan keluarganya akan menduduki rumah berkenaan tidak lama lagi. "Saya berterima kasih kepada wakil rakyat di sini dan kerajaan negeri kerana memilih kami sekeluarga mendiami rumah baharu setelah mengalami penderitaan selama setahun akibat kediaman dihanyutkan serta hilang ditelan musibah banjir," katanya.

<http://www.utusan.com.my/berita/wilayah/30-000-unit-rumah-pelbagai-kategori-dibina-di-pahang-1.151709>

Selangor, Johor paling tinggi

Banyak projek perumahan terbengkalai sejak 2009

FITRI AFFENDI MUSTAFA | 23 Julai 2015 1:13 AM

KUALA LUMPUR 22 Julai - Data daripada Jabatan Perumahan Negara menunjukkan negeri Selangor dan Johor merupakan antara negeri tertinggi yang mengalami masalah projek perumahan terbengkalai berbanding negeri lain sejak tahun 2009. Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), Jabatan Perumahan Negara, Kang Ban Aik berkata, Selangor mencatat jumlah tertinggi iaitu sebanyak 65 projek perumahan terbengkalai, manakala Johor pula sebanyak 42 projek.

Beliau berkata, Negeri Sembilan dan Perak juga merupakan negeri tertinggi apabila masing-masing mempunyai sebanyak 24 dan 18 projek perumahan terbengkalai. "Negeri-negeri yang dinyatakan adalah negeri yang aktif dan paling banyak melaksanakan pemajuan perumahan. Oleh itu, bilangan projek terbengkalai yang tinggi adalah sejajar dengan jumlah pembangunan perumahan di kawasan tersebut.

"Namun begitu, peratusan projek perumahan terbengkalai masih rendah iaitu pada kadar kurang satu peratus setahun berbanding bilangan keseluruhan aktiviti pemajuan perumahan. Kerajaan sentiasa memandang serius masalah ini apabila mengambil inisiatif seperti mengenal pasti pemaju

berkeupayaan dan berpengalaman untuk mengambil alih projek terbengkalai,” katanya kepada Utusan Malaysia baru-baru ini.

Sementara itu, Ban Aik memberitahu, dari tahun 2009 hingga 31 Januari lalu, sebanyak 216 projek perumahan swasta telah diisytiharkan terbengkalai berdasarkan peruntukan Seksyen 11 (1) Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan Pelesenan) 1966 (Akta 118). Bagaimanapun, katanya, hasil inisiatif dan tindakan proaktif yang dilaksanakan pihaknya, sebanyak 164 projek atau 75.9 peratus daripada projek yang diisytiharkan terbengkalai itu telah berjaya di-siapkan. “Kita akan memastikan sebanyak 55 projek lagi berjaya diselesaikan yang mana sebanyak 30 projek berada dalam peringkat perancangan dan 22 projek berada dalam pelbagai peringkat pemulihan,” jelasnya.

<http://www.utusan.com.my/berita/nasional/selangor-johor-paling-tinggi-1.116012>

BSN sasar 1,000 pemohon Skim Perumahan Belia menjelang hujung tahun

ASSIM HASSAN | 06 November 2015 12:49 AM

KOTA KINABALU 5 Nov. - Bank Simpanan Nasional (BSN) meletakkan sasaran sekurang-kurangnya 1,000 pemohon bagi Skim Perumahan Belia di seluruh negara menjelang hujung tahun ini. Timbalan Ketua Eksekutif (Perbankan Runcit) BSN, Datuk Yunos Abd. Ghani berkata, keyakinan sasaran itu berdasarkan penerimaan rakyat terutama belia sejak skim tersebut diperkenalkan dua bulan lalu.

Menurutnya, sejak pelancaran skim itu, seramai 746 permohonan diterima dengan nilai pinjaman RM181.5 juta manakala hanya 415 permohonan diluluskan dengan jumlah pinjaman RM101.5 juta. “Berdasarkan angka permohonan ini, kita yakin berjaya mencapai sasaran berkenaan menjelang hujung tahun ini,” katanya dalam sidang akhbar sempena penjenamaan semula BSN serta pelancaran Skim Perumahan Belia peringkat negeri di sini hari ini.

Majlis tersebut disempurnakan oleh Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan negeri, Datuk Seri Hajiji Mohd. Noor dan turut dihadiri Pengerusi BSN, Tan Sri Abu Bakar Abdullah. Skim Perumahan Belia di bawah BSN itu terbuka kepada pasangan suami isteri berusia antara 25 hingga 40 tahun yang menyediakan pinjaman rumah antara RM100,000 hingga RM500,000. Skim itu juga merupakan perkongsian pintar antara BSN, Perbadanan Gadai Janji Nasional, Cagamas Berhad dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Dalam pada itu, Yunos berharap pasangan muda merebut peluang yang disediakan agar mereka memiliki rumah pertama masing-masing. “Kita melihat skim ini merupakan satu tanggungjawab BSN dalam memastikan beban hidup pasangan muda terutama di bandar dapat dikurangkan melalui syarat pinjaman perumahan BSN,” katanya. Sementara itu, beliau memberitahu, penjenamaan semula BSN akan turut meliputi beberapa penambahbaikan dalam sistem serta operasi syarikat. Ujarnya, pada bulan depan, BSN akan melancarkan Mesin Perbankan Maya yang dijangka dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi.

<http://www.utusan.com.my/bisnes/korporat/bsn-sasar-1-000-pemohon-skim-perumahan-belia-menjelang-hujung-tahun-1.155117>

PR1MA buka permohonan untuk 7 projek perumahan

17 Januari 2015 2:29 AM

KUALA LUMPUR 16 Jan. – Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) hari ini membuka permohonan untuk 7,116 unit rumah bagi tujuh projek kediaman Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) di Kuala Lumpur, Perak, Kedah, Melaka dan Johor.

Ketua Pegawai Eksekutif PR1MA, Datuk Abdul Mutalib Alias berkata, tujuh projek berkenaan ialah Alam Damai, Kuala Lumpur; Bandar Meru Raya, Perak; Sungai Petani 1, Kedah; Kuala Ketil, Kedah; Bandar Layangkasa, Johor; Tebrau, Johor dan Melaka Tengah 1. “Rumah-rumah PR1MA yang dibuka untuk proses permohonan akan ditawarkan pada harga yang menepati kemampuan dan pada harga yang telah dimandatkan iaitu sekurang-kurangnya 20 peratus lebih rendah daripada harga pasaran dan pada masa sama berkualiti tinggi,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Pendaftar PR1MA diseru membuat permohonan untuk projek pembangunan yang dipilih melalui laman web PR1MA di www.pr1ma.my sebelum tarikh tutup permohonan pada 28 Feb ini. Menurutnya, bagi mereka yang belum berdaftar diminta mendaftar di laman web terlebih dahulu sebelum membuat permohonan. “Proses ini mempamerkan komitmen berterusan PR1MA dengan satu lagi langkah ke hadapan untuk merealisasikan impian masyarakat Malaysia yang berpendapatan sederhana iaitu berpendapatan isi rumah antara RM2,500 hingga RM10,000 sebulan untuk memiliki kediaman sendiri,” katanya. – BERNAMA

<http://www.utusan.com.my/berita/nasional/pr1ma-buka-permohonan-untuk-7-projek-perumahan-1.48855>

Kerajaan DAP P. Pinang didesak mansuh polisi baharu perumahan

02 November 2015 12:02 AM

PULAU PINANG 1 Nov. – Parti Alternatif Rakyat (PAP) menyifatkan dasar baharu kerajaan DAP Pulau Pinang yang membenarkan 30 peratus unit rumah dalam projek melebihi 100 unit dijual pada pasaran terbuka hanya menguntungkan pemaju semata-mata. Sambil mempersoalkan dasar itu, Setiausaha Penajanya, Rahmad Isahak berkata, dasar tersebut adalah jelas tidak adil kepada penduduk negeri ini yang terus tertekan untuk memiliki rumah mampu milik.

Menurut beliau, dasar itu juga membuka peluang kepada golongan kaya membeli lebih banyak unit rumah yang melepasi had kelayakan mereka tanpa melalui sebarang tapisan. Dalam masa sama, Rahmad turut mempersoalkan rasional kerajaan DAP Pulau Pinang memberikan ‘imuniti’ 30 peratus berkenaan kepada pemaju untuk melunaskan unit tersebut dengan tambahan harga jualan sebanyak 10 peratus. “Lebih menghairankan tambahan harga itu pula harus disumbangkan kepada kerajaan negeri. “Kenapa harus mengambil hasil ‘komisen’ 10 peratus ini jika kerajaan negeri melalui Pejabat Perumahan negeri berkemampuan mendaftar serta menawarkan nama pembeli yang berkelayakan kepada pihak pemaju melalui polisi sedia ada?” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Sebelum ini, Ketua Biro Undang-Undang dan Aduan Awam Pemuda Gerakan negeri, Jason Loo mendesak kerajaan DAP Pulau Pinang memansuhkan polisi perumahan baharu itu kerana dilihat menafikan hak golongan berpendapatan rendah dan sederhana di negeri ini memiliki rumah sendiri. Dalam pada itu, Rahmad turut menyifatkan kerajaan negeri menerusi polisi berkenaan seolah-olah bertindak menafikan hak bakal pembeli yang benar-benar layak melalui kekebalan kuota 30 peratus kepada pemaju. Tambahnya, dalam isu rumah mampu milik yang merupakan keperluan mendesak di negeri ini, kerajaan negeri sepatutnya lebih mempertahankan serta membantu rakyat, bukannya menggalakkan golongan tertentu yang melepasi hak kelayakan memiliki lebih daripada seunit rumah. "Sehubungan itu, polisi baharu ini perlu dimansuhkan demi kepentingan rakyat yang juga bakal pembeli berkelayakan yang juga merupakan anak jati negeri ini," katanya.

<http://www.utusan.com.my/berita/wilayah/kerajaan-dap-p-pinang-didesak-mansuh-polisi-baharu-perumahan-1.153100>

Bajet: Pemuda MIC harap masalah perumahan dan kemiskinan bandar ditangani

22 Oktober 2015 4:12 PM

KUALA LUMPUR 22 Okt. - Pemuda MIC berharap kerajaan akan memberi tumpuan kepada penyelesaian beberapa isu menerusi Bajet 2016 yang akan dibentangkan esok. Ketua Pemuda MIC Kebangsaan, C. Sivarraajh berkata, ini termasuk kemiskinan bandar yang mesti ditangani segera bagi menampung kesan peningkatan kos sara hidup. "Kesukaran untuk membeli rumah di kawasan bandar dan pinggir bandar berikutan harganya yang terlalu tinggi juga perlu ditangani," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Beliau turut mencadangkan agar Akta Kebankrapan dikaji semula dan memberi penghidupan baharu kepada mereka yang diisytihar muflis. Sebagai tambahan, beliau turut menyenaraikan beberapa permintaan untuk kaum India termasuk geran permulaan perniagaan bagi usahawan muda baharu dengan jumlah minimum pinjaman Tekun RM30,000, dan peningkatan peluang pekerjaan bagi belia India dalam sektor kerajaan serta Syarikat Berkaitan Kerajaan dan Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan.- BERNAMA

<http://www.utusan.com.my/berita/nasional/bajet-pemuda-mic-harap-masalah-perumahan-dan-kemiskinan-bandar-ditangani-1.149359>

26,000 pembinaan Program Perumahan Rakyat dilulus dalam Bajet 2015

18 September 2015 1:49 AM

KUALA LUMPUR 17 Sept. – Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, pembinaan 26,000 unit rumah Program Perumahan Rakyat telah diluluskan dalam Bajet 2015 lalu. Sehubungan itu, beliau mengajak rakyat untuk mengemukakan idea dan cadangan berkaitan untuk sektor Perumahan dan Kehidupan Bandar bagi pembentangan Bajet 2016 pula. "Pembinaan 26,000 unit rumah Program Perumahan Rakyat telah diluluskan di dalam Bajet 2015. Berikan cadangan untuk sektor Perumahan dan Kehidupan Bandar bagi #Bajet2016 pula di <https://najibrazak.com/bajet2016>," katanya menerusi laman Facebooknya hari ini.

Kata beliau, laman khas #Bajet2016 telah menerima banyak cadangan setakat hari ini dan masih belum terlambat untuk semua pihak turut sama menyumbang idea sehingga esok sebagai tarikh akhir penyertaan. Pelbagai cadangan terutama berkaitan kos sara hidup dan pendidikan diutarakan oleh masyarakat menerusi laman tersebut yang dilancarkan 2 September lalu sempena pembentangan Bajet 2016 Oktober ini.

Antara cadangan popular dan mendapat sokongan tertinggi daripada peserta laman web tersebut adalah mengenai usaha untuk meneruskan bantuan pendidikan ke peringkat sarjana dan kedoktoran menerusi skim di bawah MyBrain15. Najib sebelum ini memberitahu, sememangnya hasrat kerajaan untuk menjadikan suara rakyat sebagai asas pembentukan belanjawan negara.

<http://www.utusan.com.my/berita/nasional/26-000-pembinaan-program-perumahan-rakyat-dilulus-dalam-bajet-2015-1.137401>

Kerajaan nafi akan hentikan pinjaman perumahan penjawat awam

08 Julai 2015 4:46 PM

KUALA LUMPUR 8 Julai - Kementerian Kewangan menafikan kerajaan akan memberhentikan pinjaman perumahan kepada penjawat awam bagi mengukuhkan kedudukan fiskal negara. Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Dr Mohd Irwan Serigar Abdullah yang merujuk laporan sebuah portal berita mengenai perkara itu menyatakan ia adalah tidak benar. "Kementerian Kewangan amat kesal kerana kenyataan tersebut disiarkan tanpa merujuk kepada pihak kementerian terlebih dahulu," katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Beliau berkata, kerajaan sebaliknya akan menambah baik urusan pembiayaan pinjaman perumahan untuk penjawat awam. Katanya kerajaan telah menubuhkan sebuah badan berkanun dikenali sebagai Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) di bawah Kementerian Kewangan untuk menguruskan semua perkara berkaitan dengan pinjaman perumahan penjawat awam. Lembaga itu, katanya akan memastikan pinjaman perumahan dibuat secara lebih efisien dengan mengekalkan segala terma dan kemudahan sedia ada.- BERNAMA

<http://www.utusan.com.my/berita/nasional/kerajaan-nafi-akan-hentikan-pinjaman-perumahan-penjawat-awam-1.111911>

Kerajaan tidak akan hentikan pinjaman perumahan kepada penjawat awam

08 Julai 2015 11:43 AM

KUALA LUMPUR 8 Julai - Kerajaan tidak akan memberhentikan pinjaman perumahan kepada penjawat awam seperti yang dilaporkan oleh sebuah stesen televisyen dalam talian baru-baru ini. Laporan itu menyebut bahawa kerajaan akan berbuat demikian bagi mengukuhkan kedudukan fiskal negara. "Kementerian kewangan amat kesal atas kenyataan tersebut yang disiarkan tanpa merujuk

kepada Kementerian terlebih dahulu,” kata Ketua Setiausaha Perbendaharaan Tan Sri Dr Mohd Irwan Serigar Abdullah.

Malah, kerajaan akan menambah baik urusan pembiayaan pinjaman perumahan untuk penjawat awam. “Untuk itu, kerajaan telah menubuhkan sebuah badan berkanun yang dikenali sebagai Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) di bawah Kementerian Kewangan untuk menguruskan semua perkara berkaitan pinjaman perumahan penjawat awam.” LPPSA akan memastikan pinjaman perumahan dibuat secara lebih efisien dengan mengekalkan segala terma dan kemudahan sedia ada,” katanya. - BERNAMA

<http://www.utusan.com.my/berita/nasional/kerajaan-tidak-akan-hentikan-pinjaman-perumahan-kepada-penjawat-awam-1.111813>

RMK-11 fokus tingkatkan akses rakyat kepada perumahan mampu milik

21 Mei 2015 11:54 AM

KUALA LUMPUR 21 Mei - Sebanyak 606,000 buah rumah akan dibina untuk isi rumah berpendapatan rendah dan sederhana dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) sebagai usaha meningkatkan akses rakyat kepada perumahan mampu milik yang berkualiti. Selain itu, kerajaan juga menyasarkan untuk membina atau memperbaiki 47,000 buah rumah untuk isi rumah miskin yang akan dilaksanakan bagi tempoh 2016 hingga 2020.

Menurut RMK11 bertemakan ‘Pertumbuhan Berpaksikan Rakyat’ yang dibentangkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak di Dewan Rakyat hari ini, bank tanah akan diwujudkan untuk pembangunan perumahan mampu milik terutama di kawasan bandar, bagi menambah baik perancangan dan pembangunan perumahan mampu milik. Malah, kerajaan akan turut memanfaatkan kerjasama antara Jabatan Perumahan Negara dengan Majlis Agama Islam Negeri bagi mengenal pasti tanah wakaf dan baitulmal yang berpotensi untuk dibangunkan.

Dokumen pembangunan lima tahun itu turut menggariskan pembentukan satu pangkalan data bersepadu yang boleh dicapai oleh semua pihak berkepentingan untuk memastikan penawaran rumah-rumah mampu milik dipadankan dengan permintaan mengikut tempat, harga dan kumpulan sasar. - BERNAMA

<http://www.utusan.com.my/berita/nasional/rmk-11-fokus-tingkatkan-akses-rakyat-kepada-perumahan-mampu-milik-1.94178>

CUEPACS minta kerajaan tambah baik proses pinjaman perumahan

14 Julai 2015 1:07 AM

KUALA LUMPUR 13 Julai – Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) meminta kerajaan menangguhkan cadangan pengkorporatan Bahagian Pinjaman Perumahan sehingga masalah kelewatan dalam kelulusan proses pinjaman perumahan penjawat

awam sebelum ini dapat diselesaikan. Presidennya, Datuk Azih Muda berkata, pihaknya menerima banyak aduan daripada penjawat awam mengenai kelewatan dalam proses pinjaman perumahan sehingga menyukarkan mereka untuk memiliki rumah dengan cepat.

Beliau berkata, ramai penjawat awam terpaksa membayar harga rumah yang tinggi disebabkan terdapat kelewatan dalam proses kelulusan pinjaman perumahan mengambil masa lebih setahun. "Terdapat pelbagai masalah dalam proses pinjaman seperti prosedur yang tak lengkap, pegawai tak dapat dihubungi serta emel tidak dijawab dan kita minta Kementerian Kewangan untuk melihat semula kelemahan yang berlaku ini dengan menanggungkan sementara pertukaran kepada badan berkanun selagi masalah ini tidak diatasi. "Ini kerana jika mereka (Bahagian Pinjaman Perumahan) tidak mampu beroperasi dengan baik akhirnya akan memberi kesan kepada penjawat awam yang tidak dapat membeli rumah pada harga yang mereka mampu disebabkan kelewatan dalam proses pinjaman," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan pemeriksaan bas bersama-sama anggota penguat kuasa Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) di Pudu Sentral di sini hari ini. Yang turut hadir Ketua Pengarah JPJ, Datuk Seri Ismail Ahmad. Mengulas lanjut, Azih berkata, pihaknya bimbang akan muncul pelbagai persepsi tidak baik terhadap kerajaan apabila Bahagian Pinjaman Perumahan dikorporatkan nanti. "Apabila kerajaan terus dengan cadangan untuk menjadikan bahagian itu sebuah badan berkanun, akan ada pihak menganggap mereka hanya mahu menerima gaji lebih mahal tetapi masih mengabaikan perkara lain. "Jika ini berlaku, orang ramai akan menyalahkan kerajaan serta menteri dan bukannya Bahagian Pinjaman Perumahan," jelasnya.

Sementara itu, Ismail ketika mengulas mengenai operasi JPJ berkata, pihaknya akan menjalankan operasi khas selama dua minggu sempena Hari Raya Aidilfitri ini. "Kita telah mengerahkan 1,800 pegawai JPJ di 80 depoh di seluruh negara untuk memantau bas di seluruh negara sempena Hari Raya Aidilfitri ini," jelasnya.

<http://www.utusan.com.my/berita/nasional/cuepacs-minta-kerajaan-tambah-baik-proses-pinjaman-perumahan-1.113881>

PM tegaskan perumahan rakyat terus jadi agenda utama

LUQMAN HAZIQ ABDULLAH | 16 Mei 2015 12:46 PM

JOHOR BAHRU 16 Mei - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak menegaskan keperluan rakyat terutamanya projek pembinaan rumah rakyat akan terus menjadi agenda utama kerajaan. Beliau berkata, agenda itu juga seiring dengan manifesto Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum lalu.

Beliau berkata demikian semasa merasmikan penyerahan Projek Perumahan Rakyat (PPR) Melana Indah Fasa 1 dan melancarkan pembinaan PPR Melana Fasa II, di sini hari ini. Yang turut hadir, Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin dan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Abdul Rahman Dahlan. - UTUSAN ONLINE

<http://www.utusan.com.my/berita/nasional/pm-tegaskan-perumahan-rakyat-terus-jadi-agenda-utama-1.92544>

Ramai teruja duduki Projek Perumahan Rakyat Melana Indah

17 Mei 2015 12:09 AM

JOHOR BAHRU 16 Mei – Penerima kediaman Projek Perumahan Rakyat (PPR) Melana Indah Fasa I menyambut baik usaha kerajaan menyediakan unit rumah tersebut dan menyifatkan usaha itu sebagai bukti keprihatinan kepada rakyat. Bagi Khamidah Jimin, 30, yang menetap di Kampung Skudai Kiri, di sini sejak kecil lagi berharap permohonannya diluluskan kerana ia menjadi simbol naik taraf kepada kehidupannya yang bergaji kecil. “Dengan gaji RM900, tiada bank mahu memberi pinjaman untuk saya membeli rumah sendiri. Rumah yang saya duduki kini juga berdepan masalah banjir apabila air pasang selain gangguan monyet yang menyebabkan saya terpaksa mengeluarkan wang untuk baik pulih,” katanya.

Menurutnya, ibu bapanya mene-tap di kampung itu sejak lebih 50 tahun lalu dan penyediaan kediaman untuk penduduk berpindah ke sini adalah pendekatan yang baik. Fatimah Abdullah, 80, pula menyatakan rasa gembiranya mendapat kediaman PPR kerana sudah 13 tahun menetap di Lorong 1, Kampung Sungai Danga akibat ditipu dalam urusan penjualan rumah. “Bagaimanapun, saya mengharapkan agar pihak berkaitan dapat mengusahakan rumah saya di tingkat satu untuk memudahkan pergerakan saya, katanya yang mendapat replika kunci rumah yang disampaikan sendiri oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini.

Ketua Kampung Sungai Danga, Surip Abdullah berkata, penduduk Lorong 1 di kampung tersebut adalah antara yang terlibat dalam pemindahan ke PPR Melana Indah selain Kampung Bakar Batu di Perling, Kampung Skudai Kiri dan Kampung Usaha Jaya. Katanya, dia memainkan peranan sebagai penghubung antara rakyat dan kerajaan di mana peluang menduduki PPR itu mendapat sambutan baik dalam kalangan penduduk yang terlibat. Sementara itu, seorang lagi pene-rima, R. Sumati, 46, turut berterima kasih kepada kerajaan kerana berpeluang menduduki PPR setelah 10 tahun memohon untuk mendapatkan unit kediaman tersebut.

<http://www.utusan.com.my/berita/wilayah/ramai-teruja-duduki-projek-perumahan-rakyat-melana-indah-1.92577>

DBKL harus diberi kepercayaan bangunkan semula perumahan awam

23 Februari 2015 1:37 AM

KUALA LUMPUR 22 Feb. – Pembangunan semula perumahan awam oleh pemaju swasta dibimbangi akan meminggirkan golongan berpendapatan rendah khususnya orang Melayu daripada memiliki rumah di bandar raya ini.

Beberapa penduduk di Bandar Sri Permaisuri, di sini yang ditemui berkata, berikutan itu, mereka menyokong penuh cadangan supaya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) diberi kepercayaan untuk membangunkan tanah perumahan awam. Seorang kakitangan awam, Muhammad Ibrahim, 39, berpendapat, jika diberikan tanggungjawab tersebut kepada pemaju swasta, soal keuntungan sudah pasti menjadi pertimbangan. "Ini akan menyebabkan kediaman yang dibangunkan dijual pada harga di luar kemampuan golongan berpendapatan rendah dan sederhana. "Justeru, dengan menyerahkannya kepada DBKL, langkah tersebut dapat memastikan perumahan yang lebih murah bagi membantu orang ramai khususnya kaum Melayu untuk terus tinggal dan bersaing di kawasan bandar," katanya di sini, kelmarin.

Dalam laporan Utusan Malaysia baru-baru ini, Ahli Parlimen Titiwangsa, Datuk Johari Abdul Ghani menggesa kerajaan mengkaji semula kebenaran yang diberikan kepada pemaju untuk membangunkan projek komersial di atas tanah perumahan awam di sekitar ibu negara. Selain itu, kata Johari, DBKL juga seharusnya diberi kepercayaan untuk membangunkan projek-projek perumahan awam baharu dan bukannya pemaju swasta yang lebih mementingkan keuntungan.

Dalam perkembangan sama, seorang eksekutif, Muhammed Muzammil, 25, berkata, sekiranya urusan pembinaan perumahan awam baharu dikendalikan DBKL, golongan berpendapatan rendah akan lebih terbela. " Projek tersebut wajar diletakkan di bawah pengurusan DBKL. Saya percaya pihak DBKL akan menawarkan harga yang lebih rendah berbanding pemaju swasta. " Perkara tersebut sangat penting memandangkan kos sara hidup di Kuala Lumpur ini sangat tinggi berbeza dengan kehidupan di luar bandar," katanya.

Menurut seorang pensyarah di sebuah institusi pengajian tinggi awam (IPTA), Siti Rodziah Hassan, 32, perumahan awam baharu ini hendaklah dibina dengan pelbagai kemudahan bagi keselesaan penduduk. "Namun, harga ditawarkan haruslah berpatutan dan mampu dimiliki oleh golongan berpendapatan rendah dan sederhana. " Antara kemudahan yang perlu ada di sekitar perumahan tersebut adalah seperti tempat letak kenderaan yang mencukupi untuk penduduk di kawasan itu dan yang paling penting adalah kemudahan lif," katanya.

<http://www.utusan.com.my/berita/nasional/dbkl-harus-diberi-kepercayaan-bangunkan-semula-perumahan-awam-1.62498>

RM155 juta kos selenggara perumahan

SUFFIAN ABU BAKAR | 01 November 2015 12:12 AM

MELAKA 31 Okt. - Kerajaan akan menggunakan peruntukan sebanyak RM155 juta yang diumumkan dalam Bajet 2016 baru-baru ini untuk menyelenggara kemudahan melibatkan usaha baik pulih lif, kemudahan ke-selamatan dan peralatan mencegah kebakaran di semua perumahan kos rendah dan Projek Perumahan Rak-yat (PPR) bermula tahun hadapan.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Abdul Rahman Dahlan berkata, kerajaan akan menanggung 100 peratus kos penyelenggaraan bagi mengurangkan bebanan penduduk di kawasan perumahan kos rendah itu berbanding caj sebanyak 10 peratus yang dikenakan sebelum ini.

Katanya, peruntukan itu akan disalurkan menerusi dua tabung iaitu Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia bagi perumahan kos rendah yang dibina oleh pemaju swasta dan Program Penyelenggaraan Perumahan (PPP) melibatkan rumah kos rendah yang dibina oleh kerajaan. "Tahun hadapan kita akan mendapat peruntukan berjumlah RM155 juta dan jumlah ini adalah yang terbesar pernah diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan keutamaan bajet itu untuk membaiki lif dan perkara-perkara melibatkan keselamatan dan risiko kebakaran di dalam pangsapuri tersebut," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas menghadiri Program Transformasi Sosial Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) bertemakan Kejiranan Indah di pekarangan Pangsapuri Kiara Batu Berendam di sini hari ini. Yang turut hadir, Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Idris Haron; Speaker Dewan Undangan Negeri Melaka, Datuk Othman Muhamad; Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Naim Abu Bakar; Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Mohammad Mentek dan Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar negeri, Datuk Ismail Othman.

Pada 5 September lalu, Abdul Rahman mengumumkan langkah kerajaan untuk memansuhkan caj 10 peratus yang dikenakan kepada penduduk di PPR bagi urusan penyelenggaraan yang melibatkan aspek keselamatan seperti lif, pengadang dan pendawaian. Terdahulu, dalam ucapannya beliau berkata, kemudahan disediakan amat dititikberatkan bagi menjamin keselamatan penghuni perumahan. "Sekiranya di kampung kerajaan boleh membina jalan tar sehingga ke depan pintu rumah penduduk, maka bagi penduduk bandar kerajaan juga akan menjamin keselesaan mereka termasuk lif dan kemudahan ke-selamatan yang disediakan," katanya.

Sementara itu beliau berkata, kerajaan ingin melihat Melaka sebagai sebuah negeri yang perlu diberi perhatian kerana negeri ini merupakan pusat pelancongan negara dan pusat industri minyak dan gas selain kedudukannya yang strategik di tengah-tengah Semenanjung. Untuk itu katanya, kerajaan sedia berbincang dengan Melaka bagi menguruskan sisa pepejal bagi memastikannya diurus dengan cara terbaik supaya berupaya menarik minat ramai pelancong. "Selain itu, isu perumahan turut mendapat perhatian kerajaan dan kita ada banyak program di Melaka seperti MyHome, PPR dan sebagainya. Saya pasti keperluannya jauh lebih tinggi dan kita akan terus beri keutamaan kepada Melaka untuk bina lebih banyak perumahan untuk rakyat negeri ini," katanya.

Ditanya mengenai teknologi loji pelupusan sisa pepejal moden atau insinerator di negeri ini, Abdul Rahman berkata, kementerianya telah menyenaraikan Melaka untuk menerima teknologi tersebut selain di Taman Beringin, Kepong, Kuala Lumpur dan Johor. "Berdasarkan perancangan awal, kemudahan insinerator sepatutnya dilaksanakan di Melaka pada tahun ini tetapi disebabkan perancangan di Kepong belum selesai sepenuhnya, kita akan tumpukan di sana dahulu sebelum beralih kepada Melaka dan Johor," jelasnya.

<http://www.utusan.com.my/berita/nasional/rm155-juta-kos-selenggara-perumahan-1.152769>

Wujudkan segera dasar kawalan harga perumahan

29 Oktober 2015 1:32 AM

KUALA LUMPUR 28 Okt. – Kerajaan digesa mewujudkan segera dasar kawalan harga perumahan bagi membendung lonjakan harga secara tidak munasabah sehingga tidak mampu dibeli rakyat khususnya orang Melayu. Datuk Irmohizam Ibrahim (BN-Kuala Selangor) berkata, harga purata rumah di negara ini sekarang adalah 4.4 kali ganda lebih tinggi berbanding gaji tahunan rakyat menyebabkan hampir mustahil untuk dimiliki.

Katanya, keadaan itu diburukkan lagi dengan dasar yang diambil kerajaan negeri untuk mengenakan caj tambahan sehingga 30 peratus sebagaimana berlaku di Selangor, menyebabkan harga rumah terus melonjak. “Memiliki rumah sendiri merupakan impian semua orang, namun hakikatnya harga rumah yang melambung tinggi ini seperti tiada kesudahannya jika tiada satu mekanisme kukuh yang dapat mengawal kenaikan harga. “Mengikut piawaian antarabangsa, purata harga ini sangat mahal dan tentu sekali tidak mampu dibeli terutama bumiputera,” katanya semasa membahas Rang Undang-Undang Perbekalan 2016 di Dewan Rakyat hari ini.

<http://www.utusan.com.my/berita/parlimen/wujudkan-segera-dasar-kawalan-harga-perumahan-1.151916>

Lebih 200 permohonan Skim Perumahan Belia diluluskan

16 Oktober 2015 2:36 PM

PUTRAJAYA 16 Okt. - Lebih 200 daripada kira-kira 500 permohonan yang diterima bagi Skim Perumahan Belia telah diluluskan, kata Timbalan Menteri Kewangan Datuk Chua Tee Yong. “Pasangan belia berkahwin digalak memohon (skim ini), yang menawarkan pelbagai kelebihan berbanding skim atau program perumahan lain yang ditawarkan oleh kerajaan,” katanya, sambil menambah skim itu memberi kemudahan kepada pasangan muda untuk memiliki harta kediaman pertama mereka.

Bercakap pada sidang akhbar di sini, hari ini, Tee Yong berkata, kelulusan pembiayaan berjumlah RM1 bilion disasarkan menjelang akhir tahun ini dengan tawaran pinjaman dibuka terhad kepada 20,000 pemohon yang layak. Beliau berkata, Bank Simpanan Nasional (BSN) yang mempunyai 401 cawangan di seluruh negara adalah bank tunggal yang dilantik untuk melaksanakan skim tersebut. Antara kelebihan skim tersebut adalah pembeli tidak perlu menyediakan deposit yang biasanya menjadi halangan dalam kalangan pembeli untuk memiliki rumah kerana skim berkenaan menyediakan pembiayaan penuh.-BERNAMA

<http://www.utusan.com.my/berita/nasional/lebih-200-permohonan-skim-perumahan-belia-diluluskan-1.147177>

Angkasa tumpu tiga projek perumahan

NAZARUDIN SHAHARI | 07 Mei 2015 12:40 AM

PORT DICKSON 6 Mei - angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) kini memberi tumpuan untuk menjayakan tiga projek perumahan di Alor Gajah, Melaka; Coop City di Bandar Penawar, Johor dan Taiping, Perak.

Naib Presiden Angkasa, Kamarudin Ismail berkata, projek di Alor Gajah melibatkan pembinaan 48 unit rumah dengan kos sebanyak RM7 juta di tanah seluas 14.9 hektar dan dijangka bermula pertengahan bulan ini. Beliau berkata, projek pembangunan sebuah bandar dikenali sebagai Coop City di Bandar Penawar membabitkan kawasan seluas 29.13 hektar dengan anggaran nilai pembangunan kasar (GDV) RM500 juta. "Sementara projek di Taiping pula melibatkan pembinaan kondominium dan hotel bernilai RM30 juta di tanah seluas 0.4 hektar milik Koperasi Guru-Guru Melayu," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) perkhidmatan dobi dan percetakan antara Koperasi Kolej Uniti Berhad, Pusat Keusahawanan Kolej Uniti dan Platinum Greatest Solution, di sini hari ini. Yang turut hadir, Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) negeri, Zakaria Mat Jusoh dan Presiden Kolej Uniti, Datuk Jamal Mohd. Amin. Kamarudin berkata, pihaknya memberi perhatian kepada koperasi yang memiliki tanah tetapi tidak mempunyai keupayaan terutamanya dari segi kewangan untuk membangunkannya.

Untuk tujuan itu, tambahnya, Angkasa telah menubuhkan anak syarikat, MyAngkasa Bina Sdn. Bhd. bagi membangunkan projek perumahan dan perladangan secara usahasama dengan koperasi lain. Beliau berkata, penubuhan anak syarikat oleh Angkasa adalah komitmen koperasi itu untuk mempelbagaikan kegiatan perniagaan. "Kita tidak boleh lagi bergantung kepada pihak yang menguruskan skim potongan gaji pinjaman peribadi yang menjadi teras aktiviti utama Angkasa sejak sekian lama," katanya.

<http://www.utusan.com.my/berita/nasional/angkasa-tumpu-tiga-projek-perumahan-1.88674>

Sedia wujud tabung perumahan awam

20 Mac 2015 12:22 AM

KUALA LUMPUR 19 Mac – Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menyambut baik cadangan membangunkan kawasan tanah rizab miliknya untuk dijadikan kawasan pembangunan perumahan awam. Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Ahmad Phesal Talib berkata, bagaimanapun usaha itu hanya dapat direalisasikan menerusi tabung perumahan awam yang bakal diwujudkan oleh pihak berkuasa tempatan itu.

Menurutnya, cadangan mengenai perkara itu telah diteliti dan dipanjangkan kepada Kementerian Wilayah Persekutuan. "Kewujudan tabung itu dilihat lebih berkesan untuk membangunkan kawasan perumahan awam yang menjadi keutamaan warga kota di Kuala Lumpur. "Tambahan pula, dana

daripada penjualan unit-unit kediaman perumahan DBKL iaitu Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) serta penjualan rumah kakitangan DBKL yang dibuat di Cheras dan Razak Mansion boleh disalurkan ke dalam tabung tersebut,” katanya ketika ditemui Utusan Malaysia di sini.

Sebelum ini, Ahli Parlimen Titiwangsa, Datuk Johari Abdul Ghani menyarankan tapak-tapak perumahan awam sedia ada perlu digazetkan untuk kekal sebagai kawasan perumahan awam dengan tanggungjawab pembangunan semula hanya diberikan kepada DBKL menerusi geran peruntukan daripada kerajaan. Dalam pada itu, Ahmad Phesal berkata, bagi peringkat pertama, sekurang-kurangnya 1,500 buah rumah akan dibina dengan menggunakan jumlah dana yang terkumpul. “Sekiranya dikumpulkan semua dana yang dimiliki oleh DBKL, saya percaya projek pertama berkaitan dengan perumahan awam ini mampu dilaksanakan dalam masa terdekat,” katanya.

<http://www.utusan.com.my/berita/wilayah/sedia-wujud-tabung-perumahan-awam-1.71283>

Kaji mekanisme terbaik perumahan awam

MOHAMMAD YASIR JAAFAR | 02 Mac 2015 1:47 AM

KUALA LUMPUR 1 Mac - Kerajaan sedang meneliti mekanisme terbaik terhadap cadangan mewartakan tapak perumahan awam sebagai tapak kekal dalam usaha memastikan rakyat tidak kehilangan kediaman gara-gara memberi laluan kepada projek pembangunan komersial.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Abdul Rahman Dahlan berkata, kementerianya menyokong penuh cadangan itu bagi memastikan nasib penduduk khususnya di penempatan rumah mampu milik dan kos rendah terbela. “Saya amat setuju dengan cadangan yang dilontarkan oleh Ahli Parlimen Titiwangsa, Datuk Johari Abdul Ghani itu.

“Namun saya fikir kita perlu mewujudkan formula bagi melaksanakan cadangan berkenaan seperti menetapkan syarat menggantikan rumah penduduk sekiranya sesebuah projek pembangunan ingin dijalankan,” katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Baru-baru ini, Johari mencadangkan tapak perumahan awam di ibu negara diwartakan sebagai tapak kekal dan beliau memperincikan perkara itu dalam wawancara yang disiarkan Mingguan Malaysia hari ini. Sementara itu, Abdul Rahman berkata, kewujudan mekanisme itu diyakini mampu melindungi kepentingan serta kebajikan penduduk di kawasan perumahan awam.

Katanya, perkara itu juga berupaya mengimbangi kepesatan pembangunan khususnya di kawasan bandar tanpa menjejaskan hak dan kemampuan rakyat untuk mendiami rumah mampu milik atau kos rendah. “Kita tidak mahu kerana pembangunan, rakyat tidak dilindungi sehingga tiada tempat berteduh,” katanya.

<http://www.utusan.com.my/berita/nasional/kaji-mekanisme-terbaik-perumahan-awam-1.65299>

Gazetkan segera tapak perumahan awam

RODELIO JUNJUN TAUCAN | 24 Februari 2015 1:51 AM

KUALA LUMPUR 23 Feb. - Kementerian Wilayah Persekutuan diminta menyegerakan proses menggazetkan tapak-tapak perumahan awam sebagai kawasan perumahan awam untuk menghalang le-bih banyak pembangunan komersial dibuka sehingga menyebabkan orang Melayu terpaksa berpindah ke pinggir bandar.

Ketua UMNO Bahagian Cheras, Datuk Seri Syed Ali Al-habshee berkata, keluasan tanah yang dimiliki Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sepatutnya cukup untuk menyediakan perumahan awam, namun disebabkan projek itu diberikan kepada pihak swasta, tanah yang ada turut dibangunkan kediaman elit yang hanya mampu dimiliki kumpulan tertentu.

Menurutnya, peruntukan juga perlu ditambah untuk meningkatkan keupayaan DBKL membangunkan perumahan awam dan menghentikan kerjasama dengan sektor swasta yang hanya bermotifkan keuntungan semata-mata. "Masalah sekarang bila kerjasama dengan pihak swasta, bukan sahaja bangunan mewah dibangunkan, malah rumah yang berharga lebih RM500,000 dan sukar dimiliki orang Melayu turut dibina menyebabkan mereka tidak mampu memilikinya. "Jadi kerajaan perlu cepat dan tegas mengambil langkah segera bangunkan perumahan awam di bandar pada harga berpatutan untuk memastikan kawasan itu tidak dimonopoli satu kaum sahaja," katanya ketika dihubungi Utusan Malaysia di sini hari ini.

Isnin lalu, Ahli Parlimen Titiwangsa, Datuk Johari Abdul Ghani mencadangkan supaya tapak-tapak perumahan awam sedia ada perlu digazetkan untuk kekal sebagai kawasan perumahan awam dengan tanggungjawab pembangunkan semula hanya diberikan kepada DBKL menerusi geran peruntukan daripada kerajaan. Johari berkata, penglibatan pihak swasta dalam pembangunkan semula mesti hanya sebagai kontraktor dan bukannya sebagai pemaju bagi mengelakkan golongan berkenaan mengambil sebahagian tanah-tanah tersebut untuk keuntungan komersial.

Sementara itu, Ketua UMNO Bahagian Bandar Tun Razak, Datuk Rizalman Mokhtar berkata, langkah segera perlu diambil memandangkan permintaan untuk perumahan awam kini mencecah lebih 40,000 unit dan akan terus bertambah. "Masalah sekarang bila diberikan tanah seluas 10 hektar untuk pembangunkan semula 800 unit perumahan awam, pihak swasta hanya bina 800 unit dan kawasan selebihnya akan dibangunkan projek komersial termasuk kediaman mewah. "Kalau macam ini, sampai bila 40,000 unit yang telah dipohon akan dibina? Akhirnya nanti orang Melayu terpaksa berhijrah ke kawasan jauh dari bandar untuk disesuaikan dengan kemampuan masing-masing," katanya.

Dalam pada itu, Ketua UMNO Bahagian Wangsa Maju, Datuk Shafie Abdullah berkata, DBKL perlu menilai kembali objektif pembangunkan perumahan awam iaitu menyediakan rumah mampu milik kepada golongan memerlukan, justeru pelaksanaannya tidak boleh lari daripada matlamat asal. "Kalau tujuan utama itu dipatuhi, DBKL akan mencari jalan penyelesaian supaya perumahan awam dapat dibina bukannya menyerahkan tanggungjawab kepada pihak swasta sehingga akhirnya rakyat yang susah," katanya.

<http://www.utusan.com.my/berita/nasional/gazetkan-segera-tapak-perumahan-awam-1.62852>

Perumahan awam mesti digazetkan kekal

Syarikat swasta perlu dihalang ambil tapak bagi tujuan komersial

KAMIL MASLIH | 21 Februari 2015 1:46 AM

KUALA LUMPUR 20 Feb. - Tapak-tapak perumahan awam sedia ada perlu digazetkan untuk kekal sebagai kawasan perumahan awam dengan tanggungjawab pembangunan semula hanya diberikan kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menerusi geran peruntukan daripada kerajaan. Ahli Parlimen Titiwangsa, Datuk Johari Abdul Ghani berkata, penglibatan pihak swasta dalam pembangunan semula mesti hanya sebagai kontraktor dan bukannya sebagai pemaju bagi mengelakkan golongan berkenaan mengambil sebahagian tanah-tanah tersebut untuk keuntungan komersial.

Katanya, pembangunan komersial di atas tapak perumahan awam akan mengakibatkan penawaran perumahan awam di takuk yang lama, sedangkan permintaan untuk rumah-rumah perumahan awam sudah mencecah lebih 40,000 unit. "Pembinaan perumahan awam ini tidak akan menguntungkan, oleh sebab itu, kerajaan perlu menyediakan geran khas kepada DBKL untuk membangunkan semula rumah-rumah perumahan awam ini dan menyewakannya semula kepada mereka yang berpendapatan rendah. "Rumah-rumah perumahan awam ini tidak boleh dijual dan mesti dikhaskan kepada golongan miskin dan berpendapatan rendah di bandar raya Kuala Lumpur," katanya kepada Utusan Malaysia di sini hari ini.

Semalam, Johari dalam Program Santai Bersama Alumni Kelab UMNO Luar Negara (AKULN) berkata, kerajaan digesa mengkaji semula kebenaran yang diberikan kepada pemaju untuk membangunkan projek komersial di atas tanah perumahan awam di sekitar ibu negara. Dalam pada itu, tegas Johari, pembangunan semula perumahan awam perlu dilakukan dengan menambah ketinggian bangunan serta meletakkan ciri-ciri moden bagi memberi keselesaan dan membolehkan lebih banyak unit rumah dapat disewakan kepada warga Kuala Lumpur berpendapatan rendah.

Kata beliau, sekiranya pembangunan semula dilakukan terhadap perumahan awam sedia ada yang uzur, penambahan rumah-rumah perumahan awam dijangka melebihi 15,000 unit. "Kalau PR1MA (Perbadanan PR1MA Malaysia) boleh diberi geran tahunan RM1.3 bilion untuk membina rumah mampu milik, mengapa tidak DBKL? Jika tugas ini diberi kepada pihak swasta, sudah tentu agak sukar kerana mereka terpaksa memikirkan keuntungan. "Syarikat swasta perlu dihalang daripada mengambil tanah-tanah perumahan awam ini bagi tujuan komersial seperti mana yang berlaku ke atas Flat Perumahan Awam Jalan Pekeliling, sebanyak 12 blok perumahan awam dirobuhkan bagi tujuan komersial namun sehingga kini selepas 13 tahun masih terbengkalai," katanya. Katanya, antara perumahan awam yang uzur dan dicadangkan untuk pembangunan semula adalah Flat Sri Selangor, Flat Sri Sarawak, Flat Hang Tuah, Flat Loke Yew, Flat Sri Melaka, Flat Sri Johor, Flat Sri Pulau Pinang dan Flat Sri Perlis.

<http://www.utusan.com.my/berita/nasional/perumahan-awam-8232-mesti-digazetkan-kekal-1.61871>

Kerajaan kaji skim jaminan perumahan

MUZDALIFAH MUSTAPHA | 10 Januari 2015 1:39 AM

PUTRAJAYA 9 Jan. - Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedang mengkaji satu skim jaminan perumahan yang bertujuan melindungi pembeli dan pemaju perumahan terutama untuk menangani isu rumah terbengkalai.

Menterinya, Datuk Abdul Rahman Dahlan berkata, skim itu telah dilaksanakan di Korea Selatan dan antara kaedahnya, kerajaan serta pemaju mewujudkan satu tabung untuk dijadikan dana membayar pampasan kepada mana-mana pihak berkaitan sekiranya berlaku insiden seperti penipuan serta rumah terbengkalai. "Walau bagaimanapun, jika skim itu dilaksanakan, kita harus memikirkan pihak manakah yang perlu menguruskan dana tersebut dan dari manakah kita boleh mendapatkan dana berkenaan.

"Berkemungkinan kerajaan akan memberi jaminan pada jumlah tertentu dan industri perumahan pula bertanggungjawab pada pengurusan keseluruhannya tetapi skim ini masih di peringkat kajian dan belum ada perancangan pelaksanaannya," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan amanat tahun baharu pada perhimpunan bulanan kementerianya di sini hari ini. Yang turut hadir timbalannya, Datuk Halimah Mohamed Sadique dan Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Seri Arpah Abdul Razak.

Abdul Rahman menjelaskan, skim tersebut secara tidak langsung akan memberi jaminan dan ruang kepada pihak pemaju untuk melaksanakan kerja-kerja pembinaan yang lebih baik sekali gus menangani isu kenaikan kos secara mendadak. Terdahulu, Abdul Rahman di dalam amanatnya mahu warga kementerianya mengutamakan empat asas Perlembagaan Persekutuan dalam memberi khidmat kepada rakyat sekali gus membantu kerajaan mengekalkan keharmonian negara.

Beliau berkata, empat asas itu ialah memperkukuhkan Islam sebagai agama Persekutuan; kedaulatan Raja-Raja Melayu tidak akan dipertikai; bahasa Malaysia terus diperkemas dan kedudukan bumiputera dipertahan sebagai tunjang dalam pengurusan kementerian. Selain itu, beliau berkata, kakitangan kementerian turut dinasihatkan supaya memulakan konsep kesederhanaan dalam tugas masing-masing dengan harapan dapat diterjemahkan kepada masyarakat umum. "Dalam menangani apa sahaja isu, kita harus kekalkan kesederhanaan. Jangan terlalu konservatif dan fanatik. Dua sikap itu yang akan membentuk fahaman ekstremisme dan keganasan. "Di Malaysia kita harus bersyukur kerana sejak negara mencapai kemerdekaan kita masih dapat mengekalkan perpaduan antara kaum dan agama yang berbeza. Ini kerana negara ditadbir berlandaskan undang-undang dan Perlembagaan serta kewarasan fikiran," katanya.

<http://www.utusan.com.my/berita/nasional/kerajaan-kaji-skim-jaminan-perumahan-1.46355>

273 biaya Perumahan Belia diluluskan

Melibatkan RM69.25 juta sejak diperkenal empat bulan lalu

SHARAIMEI SHAIK AHMEDULLAH | 17 Oktober 2015 12:41 AM

PUTRAJAYA 16 Okt. - Sebanyak 273 permohonan bagi pembiayaan Skim Perumahan Belia untuk memiliki rumah pertama telah diluluskan melibatkan jumlah pembiayaan sebanyak RM69.25 juta sejak mula diperkenalkan kira-kira empat bulan lalu.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Chua Tee Yong berkata, skim tersebut yang disediakan khusus bagi pasangan berkahwin berumur dalam lingkungan 25 hingga 40 tahun itu hanya terhad kepada 20,000 pemohon yang layak. "Skim ini yang menggunakan konsep 'siapa cepat, dia dapat' terbuka kepada mana-mana belia berkeluarga yang mempunyai isi rumah berpendapatan tidak melebihi RM10,000 dengan tempoh pembia-yaan maksimum sehingga 35 tahun atau usia sehingga 65 tahun. "Untuk nilai hartanah pula antara RM100,000 dan tidak melebihi RM500,000," katanya dalam sidang akhbar Skim Perumahan Belia di Bangunan Bank Simpanan Nasional (BSN) di sini hari ini.

Menurut Tee Yong, skim tersebut merupakan perkongsian pintar antara kerajaan bersama BSN, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Perbadanan Gadaai Janji Nasional (Cagamas Berhad) bagi membantu pembeli terbabit membeli rumah pertama mereka tanpa perlu mengeluarkan wang deposit. Katanya, menerusi skim berkenaan kerajaan turut membantu mengurangkan beban ansuran bulanan pinjaman perumahan dengan memberikan wang sebanyak RM200 sebulan untuk tempoh dua tahun pertama.

Pada masa sama, beliau memberitahu, pengecualian sebanyak 50 peratus turut diberikan terhadap duti setem ke atas surat cara pindah milik dan perjanjian pinjaman. Mengulas lanjut, Tee Yong berkata, sejak skim tersebut diper-kenalkan pada Julai lalu, lebih 500 permohonan telah diterima dan kira-kira 200 permohonan ditolak berikutan pelbagai faktor antaranya berkaitan pinjaman lain, komitmen berlebihan dan tidak memenuhi syarat ditetapkan sebagai pembeli rumah pertama. "Skim ini hanya untuk pembeli rumah pertama sahaja, sekiranya sama ada isteri atau suami pernah memiliki kediaman lain permohonan ini akan ditolak. "Sehubungan itu, pembeli yang berminat boleh mengunjungi mana-mana cawangan BSN di seluruh negara bagi mendapatkan maklumat lanjut. BSN menjadi institusi kewangan tunggal yang dilantik untuk me-laksanakan skim terbabit," katanya. Mengulas mengenai kadar faedah yang ditawarkan, katanya, skim tersebut menawarkan kadar yang kompetitif dan sama seperti skim pembiayaan perumahan lain.

<http://www.utusan.com.my/berita/nasional/273-biaya-perumahan-belia-diluluskan-1.147385>

Data bank perumahan perlu disedia

22 Ogos 2015 1:21 AM

IPOH 21 Ogos – Kerajaan negeri di-saran mewujudkan sistem Data Bank iaitu maklumat lengkap mengenai kawasan yang akan dibangunkan untuk membina kediaman rakyat di bawah Lembaga Perumahan Negeri yang akan ditubuhkan.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Selama, Mohamad Daud Mohd. Yusof (gambar) berkata, melalui Data Bank tersebut, perancangan yang sistematik dan efisien dapat dilaksanakan untuk membantu rakyat memiliki kediaman. "Cadangan penubuhan Lembaga Perumahan Negeri diyakini mampu menjadi instrumen penting untuk mengawal selia dan pemangkin dalam menyediakan perumahan mampu milik untuk rakyat. "Diharapkan penubuhan Lembaga Perumahan ini dapat membantu kerajaan negerimerangka pembangunan perumahan yang bersesuaian dengan keperluan dankemampuan rakyat," katanya dalam sesi perbahasan dalam Persidangan DewanUndangan Negeri (DUN) di sini hari ini.

Mohamad Daud berkata, sasaran kerajaan negeri untuk menyediakan 35,000 unit Rumah Mampu Milik di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) termasuk 20,000 unit sehingga tempoh penggal kerajaan Pilihan Raya Umum (PRU-13) mampu dicapai. Beliau berkata, sehingga kini, Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP) menerajui usaha murni itu untuk membina 50 peratus dan jumlah yang disasarkan sebanyak 10,000 unit rumah mampu milik.

Kata beliau, setakat ini kawasan seluas 283.2 hektar telah dikenalpasti untuk dibangunkan bagi tujuan tersebut manakala bagi 10,000 unit rumah mampu milik akan dibangunkan oleh pelbagai agensi kerajaan. "Selain itu, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) akan melengkapkan sasaran kerajaan negeri untuk mencapai 35,000 unit di mana PR1MA telah melancarkan lebih 3,000 unit rumah mampu milik. "Begitu juga SPNB yang telah melancarkan hampir 3,000 unit Rumah Mampu Milik di bawah Skim Rumah Mesra Rakyat, Rumah Idaman Rakyat dan Rumah Inspirasi Rakyat. Saya yakin kedua-dua sasaran ini mampu dicapai dalam tempoh yang ditetapkan," katanya.

<http://www.utusan.com.my/berita/wilayah/data-bank-perumahan-perlu-disedia-1.127032>

Kedah pinda dasar perumahan negeri

Libatkan kuota rumah mampu milik, kos rendah

NAZMIL NASIRUDDIN | 07 Ogos 2015 12:46 AM

ALOR SETAR 6 Ogos - Kerajaan negeri hari ini bersetuju meminda Dasar Perumahan Negeri Kedah (DPrNK) melibatkan kuota pembinaan rumah mampu milik dan kos rendah bagi status Tanah Simpanan Melayu dan Tanah Luar Simpanan Melayu.

Menteri Besar, Datuk Seri Mukhriz Tun Mahathir berkata, pindaan itu turut membabitkan pengurangan caj pembangunan daripada 20 peratus kepada 10 peratus kepada syarikat pemaju di negeri ini. "Semua pindaan terhadap DPrNK itu berkuatkuasa serta-merta dan harus dipatuhi oleh semua syarikat pemaju di Kedah," katanya ketika berucap pada Majlis Pelancaran Ekspo Hartanah dan Perumahan Malaysia (MAPEX) Kedah di sini.

Mukhriz menjelaskan, pindaan dasar bagi status Tanah Simpanan Melayu itu menjadikan mana-mana projek perumahan di bawah 100 unit di Kedah, dikecualikan daripada pembinaan rumah mampu milik dan kos rendah. "Sebelum ini ia mewajibkan projek perumahan di bawah 100 unit untuk membina 40 peratus rumah mampu milik dan kos rendah, namun melalui pindaan ini, ia

dikecualikan sama sekali. “Bagi projek perumahan membabitkan 100 unit ke atas, dasar yang dikenakan adalah sama iaitu sebanyak 50 peratus daripada unit berkenaan harus diperuntukkan bagi rumah mampu milik dan kos rendah,” katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, bagi status Tanah Luar Simpanan Melayu pula, pindaan diperuntukkan bagi mana-mana projek perumahan membabitkan 50 unit ke bawah, turut dikecualikan daripada pembinaan rumah kos rendah dan mampu milik, berbanding pelaksanaan sebelum ini yang mewajibkan pembiaian kediaman berkenaan sebanyak 40 peratus. “Namun bagi projek perumahan membabitkan 50 unit ke atas untuk Tanah Luar Simpanan Melayu, dasar yang dikenakan tetap sama iaitu 50 peratus harus diperuntukkan bagi pembinaan rumah mampu milik dan kos rendah,” ujarnya. Mengulas lanjut, beliau berkata, DPRNK mula berkuatkuasa di Kedah pada 1 Januari lalu, manakala caj pembangunan sebanyak 20 peratus pula dilaksanakan kepada syarikat pemaju bermula 1 Julai lalu sebelum ia dipinda hari ini.

Sementara itu Penasihat Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA) Kedah/Perlis, Datuk Ricque Liew Yon Chew, mengalu-alukan pindaan tersebut kerana dapat meringankan beban syarikat pemaju. “Langkah ini dijangka dapat dimanfaatkan sekurang-kurangnya 70 peratus daripada 200 pemaju di Kedah yang sebelum ini terpaksa menanggungkan projek pembinaan berikutan caj pembangunan yang tinggi, selain terikat dengan tuntutan membina rumah mampu milik dan kos rendah. “Pindaan dasar ini tentunya membantu pemaju terutamanya mereka yang menjalankan projek pembinaan dalam skala kecil,” katanya.

<http://www.utusan.com.my/berita/nasional/kedah-pinda-dasar-perumahan-negeri-1.121379>

Pinjaman perumahan penjawat awam kekal

HAKIMI ISMAIL | 09 Julai 2015 1:36 AM

PUTRAJAYA 8 Julai - Kementerian Kewangan menafikan bahawa kerajaan akan memberhentikan pinjaman perumahan kepada penjawat awam seperti mana yang dilaporkan portal berita Astro Awani.

Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Dr. Mohd. Irwan Serigar Abdullah berkata, laporan yang menyatakan langkah itu diambil untuk mengukuhkan kedudukan fiskal negara adalah tidak benar sama sekali. Beliau berkata, kementerian amat kesal kerana kenyataan tersebut disiarkan tanpa dirujuk kepada pihak yang sepatutnya terlebih dahulu untuk pengesahan. “Untuk pengetahuan umum kerajaan telah menubuhkan sebuah badan berkanun yang dikenali sebagai Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) bagi mengurus semua perkara berkaitan pinjaman perumahan penjawat awam. “LPPSA ditubuhkan untuk menambahbaik urusan pembiayaan pinjaman perumahan penjawat awam, jadi hasrat untuk memberhentikan pinjaman tersebut tidak benar sama sekali,” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini. Menurut Mohd. Irwan Serigar, LPPSA akan memastikan pinjaman perumahan penjawat awam dibuat secara lebih efisien dengan mengekalkan segala terma dan kemudahan sedia ada.

<http://www.utusan.com.my/berita/nasional/pinjaman-perumahan-penjawat-awam-kekal-1.112108>

NS umum dasar perumahan baharu

NAZARUDIN SHAHARI | 06 Jun 2015 12:20 AM

SEREMBAN 5 Jun - Kerajaan negeri hari ini mengumumkan Dasar Perumahan Negeri Sembilan dengan menetapkan 50 peratus daripada pembangunan mesti dibina rumah mampu milik. Menteri Besar Datuk Seri Mohamad Hasan berkata, komponen rumah mampu milik itu terdiri daripada 15 peratus rumah yang berharga RM80,000 ke bawah manakala 15 peratus lagi RM250,000 ke bawah dan 20 peratus RM400,000 ke bawah.

Beliau berkata, baki 50 peratus rumah yang hendak dibina terpulung kepada pemaju untuk menawarkan perumahan mewah. "Kita tidak mahu lagi melihat sebuah keluarga mendiami rumah kos rendah yang hanya ada sebuah bilik. Sebab itu kita minta pemaju bina rumah mampu milik dan bukan rumah mampu tengok, "Dasar ini diputuskan selepas mengadakan perbincangan dengan Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (Rehda) Negeri Sembilan," katanya dalam sidang akhbar selepas mengadakan pertemuan dengan para pemaju perumahan dan hartanah di negeri ini, di sini hari ini.

Menurutnya, rumah berharga RM80,000 ke bawah perlu dibina dalam bentuk kediaman bertanah dengan keluasan tidak kurang 800 meter persegi dan tidak akan diberikan diskaun Bumiputera. Bagi kategori rumah lain, jelasnya, diskaun Bumiputera ditawarkan antara lima hingga 10 peratus.

Mohamad menarik perhatian, kerajaan negeri juga telah menaikkan kuota pemilikan rumah Bumiputera kepada 50 peratus berbanding 30 peratus sebelum ini memandangkan 70 peratus penduduk di negeri ini adalah Melayu dan Bumiputera. Selain itu, tambahnya, beliau juga mencadangkan supaya pemaju yang membina perumahan melebihi 40 hektar menyediakan pengangkutan bas sebagai kemudahan kepada penduduk. "Mereka mungkin boleh menyediakan sebuah mini bas yang membawa penumpang ke tempat menunggu bas awam yang berhampiran atau stesen kereta api," ujarnya.

Beliau memberitahu, bagi memudahkan orang ramai membeli rumah, satu portal perumahan Bumiputera akan dibangunkan tidak lama lagi. "Portal ini digunakan untuk memasarkan hartanah Bumiputera dengan lebih telus dan pemaju tidak lagi merungut dengan mendakwa rumah lot berkenaan sukar dijual," katanya.

<http://www.utusan.com.my/berita/wilayah/negeri-sembilan/ns-umum-dasar-perumahan-baharu-1.99439>

Borneo Post:

Harga rumah dijangka masih naik walaupun pada kadar lebih rendah

December 16, 2015, Wednesday

KUCHING: Campur tangan kerajaan persekutuan pada tahun ini dengan memperkenalkan langkah-langkah baharu terutama mengenai garis panduan pemberian pinjaman telah menyebabkan

sentimen spekulasi yang membawa kedua-dua pemaju dan pelabur kembali kepada asas. Sehubungan itu, Menteri Perumahan Datuk Amar Abang Johari Tun Abang Openg berkata harga unit perumahan di kawasan utama kekal tinggi iaitu menjangkau lingkungan RM500,000 bagi unit teres dua tingkat dan lebih RM1 juta bagi unit berkembar. “Bagi 2015, ia telah menyaksikan senario dalam jumlah jualan yang perlahan disebabkan kos lanjutan dan inflasi harga, diburukkan lagi oleh pelaksanaan GST. “Oleh itu, harga rumah dijangka masih naik walaupun pada kadar yang lebih rendah,” katanya menerusi ucapan penggulungan kementeriannya pada Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) di sini, semalam.

Selain itu, beliau berkata cabaran perumahan mampu milik juga menjadi teruk terutama di pusat bandar. “Purata harga rumah di Sarawak telah meningkat dengan ketara manakala pendapatan isi rumah tidak berkembang pada kadar yang sama menyebabkan ia menjadi tekanan kepada masyarakat kita,” katanya. Justeru bagi menghadapi perubahan sosioekonomi serta demografik dan pada masa sama menangani isu perumahan mampu milik selain merapatkan jurang permintaan dan bekalan perumahan, Abang Johari berkata kementeriannya telah mencadangkan kepada Lembaga Perancang Negeri (SPA) mengenai pelaksanaan Garis Panduan dan Dasar Perumahan Mampu Milik baharu. “Dasar baharu ini akan melibatkan pendekatan negeri terhadap penyediaan rumah mampu milik selain mengubah reka bentuk yang lebih baik, keperluan perancangan dan memaksimumkan harga jualan unit perumahan kos rendah dan mampu milik,” katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata kementeriannya juga sedang menjalankan Kajian Pembangunan Perumahan Negeri yang akan menghasilkan pelan induk bagi pembangunan jangka panjang sektor perumahan negeri sehingga 2035. “Kajian ini antara lain akan meramal bekalan jangka panjang bagi rumah-rumah yang perlu disediakan oleh bandar utama dan bandar di seluruh Sarawak dengan mengambil kira pelbagai faktor seperti pertumbuhan ekonomi, penghijrahan bandar dan pertambahan penduduk. “Kajian itu dijangka siap pada akhir tahun ini dan dengan selesainya kajian, kerajaan negeri akan dapat merancang lebih awal dan memperuntukkan sumber yang diperlukan dalam memenuhi keperluan perumahan rakyat Sarawak pada masa depan,” katanya.

Read more: <http://www.theborneopost.com/2015/12/16/harga-rumah-dijangka-masih-naik-walaupun-pada-kadar-lebih-rendah/#ixzz3x0QuPZAz>

Tangani pertindihan fungsi agensi

December 11, 2015, Friday

Ia antara punca projek perumahan lewat terutama dibiayai kerajaan pusat

// Laporan oleh Saibi Gi, Patricia Gari, Jessica Jawing, Nick Fletcher, Agnes Tugong, Rusnan Mustafa
//

KUCHING: Pertindihan fungsi dan pengurusan agensi perumahan negeri dan perumahan persekutuan dikenal pasti antara punca kelewatan pelaksanaan projek perumahan terutama yang dibiayai kerajaan persekutuan. Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Damai Dr Abdul Rahman Junaidi berkata bagi mengelak masalah timbul pada masa hadapan, beliau menyokong saranan

Ketua Menteri Datuk Patinggi Tan Sri Adenan Satem agar semua program pembangunan perumahan awam dilaksana satu agensi di bawah Kementerian Perumahan Negeri Sarawak.

Pertindihan fungsi katanya berlaku antara Perbadanan Pembangunan Perumahan Sarawak (HDC) dengan Jabatan Perumahan Negara dan Syarikat Perumahan Negara Berhad. “Akibat kerenah birokrasi dan keperluan prasyarat pembinaan rumah tidak seragam, beberapa projek perumahan awam di negeri ini terlewat pelaksanaan. “Bagi memastikan keadaan ini tidak berlanjutan dan usaha kerajaan untuk menyediakan rumah kepada rakyat dapat dipercepat, maka saya menyokong cadangan supaya semua projek perumahan dibiayai dana kerajaan persekutuan di negeri ini hendaklah diletak sepenuhnya di bawah pengurusan dan pelaksanaan Kementerian Perumahan Negeri Sarawak,” katanya. Beliau berkata demikian dalam perbahasan ucapan Bajet Negeri 2016 pada persidangan Dewan Undangan Negeri Sarawak di sini, semalam.

Program pembangunan perumahan dimaksudnya merangkumi Program Perumahan Rakyat (PPR), Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia (RMR) dan Projek PR1MA Malaysia. “Pendekatan ini akan memberi peluang kepada kerajaan negeri menyediakan skim perumahan mencukupi bagi memanfaatkan rakyat di seluruh pelosok negeri ini,” ujarnya. Sehubungan itu, beliau me-nyarankan kerajaan menyediakan lebih banyak rumah kos rendah dan sederhana rendah di kawasan pinggir bandar bagi menampung permintaan meningkat saban tahun selaras pertumbuhan populasi. Katanya, saranan itu akan membolehkan pasangan isi rumah berpendapatan bawah RM3,000 memiliki rumah.

Namun, beliau amat menghargai usaha kerajaan negeri dan Kementerian Perumahan kerana gigih menyediakan berbagai projek perumahan, terutama untuk golongan berpendapatan rendah dan sederhana. “Dengan peruntukan RM231.71 juta bagi membina 2,396 unit rumah mampu milik dan rumah mesra rakyat dalam tempoh lima tahun akan datang, adalah diharapkan agar projek perumahan ini dapat mengatasi masalah keperluan rumah yang agak mendesak masa sekarang,” katanya.

Menurutnya lagi, pada masa sekarang jumlah generasi ketiga sudah berumah tangga memerlukan rumah semakin meningkat terutama golongan tinggal di bandar dan pinggir bandar. “Terdapat situasi beberapa keluarga tinggal di bawah satu bumbung dalam keadaan sesak dan tidak selesa didiami. “Oleh itu, usaha kerajaan negeri membuka lebih banyak tanah untuk program pembesaran kampung seperti diumumkan oleh Ketua Menteri adalah pendekatan terbaik untuk mengatasi masalah tersebut,” katanya.

Read more: <http://www.theborneopost.com/2015/12/11/tangani-pertindihan-fungsi-agensi/#ixzz3x0QaGyDx>

Kementerian usaha dapat lebih banyak dana bina rumah ibadah

July 12, 2015, Sunday

KUCHING: Kementerian Perumahan akan berusaha mendapatkan lebih banyak peruntukan dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11) untuk membina rumah ibadah di kawasan perumahan di negeri ini. Menterinya Datuk Amar Abang Johari Tun Openg berkata, kementeriannya kini berusaha

memastikan setiap kawasan perumahan di bawah Skim Perbadanan Pembangunan Perumahan (HDC) mempunyai rumah ibadah. “Kita akan berusaha untuk mendapatkan lebih banyak peruntukan dalam RMK11 daripada kerajaan pusat untuk kita melaksanakan projek rumah ibadah di setiap kawasan perumahan di bawah HDC,” ujarnya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis berbuka puasa anjuran HDC dan anak syarikatnya, Daya Builders Sdn Bhd (DBSB) bersama Persatuan Wartawan Bahagian Kuching (KDJA) di sebuah hotel terkemuka di sini, kelmarin. Selain membina rumah ibadah, Menteri Pelancongan itu berkata, peruntukan tersebut juga akan digunakan untuk membangunkan projek perumahan di Muara Tuang dan Samariang.

Pada majlis itu, Abang Johari turut menyampaikan sumbangan kepada 20 masjid dan surau di bawah skim HDC melibatkan jumlah keseluruhan RM10,000. “Saya berharap sumbangan ini dapat digunakan untuk menjalankan aktiviti dan membantu pihak pengurusan masjid dan surau menguruskan tempat ibadah masing-masing,” tambahnya. Hadir sama Menteri Muda Perumahan Datuk Abdul Karim Rahman Hamzah, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Damai Dr Abdul Rahman Junaidi dan tetamu kehormat lain.

Read more: <http://www.theborneopost.com/2015/07/12/kementerian-usaha-dapat-lebih-banyak-dana-bina-rumah-ibadah/#ixzz3x0QLunr3>

10 pembeli rumah saman PKNS, pemaju perumahan

January 29, 2015, Thursday

SHAH ALAM: Seramai 10 pembeli rumah di Setia Alam di sini memfailkan saman terhadap syarikat pemaju, Sazean Development Sdn Bhd dan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) kerana hingga kini mereka masih tidak menerima milikan rumah kosong yang dipersetujui dalam perjanjian jual beli pada 2010. Kesemua individu berkenaan, Ruhani Baharum, 46, Tham Kok Pew, 53, Wan Mohd Hashim Wan Yusoff, 40, Mohd Nizam Abdul Rahman, 38, Hong Hong Chik, 41, Hing Aik Choong, 37, Ng Kim Thong, 45, Razmair Shah Abdul Razak, 37, Nordin Hisham Mohd Hanapiah, 46, dan Ku Kean Thong, 45, selaku plaintif memfailkan saman di pejabat pendaftar Mahkamah Tinggi di sini semalam melalui firma guaman S.Surendran & Co.

Dalam pernyataan tuntutan, kesemua plaintif mendakwa pada sekitar 2010 Sazean Development (defendan pertama) telah memulakan suatu pembangunan perumahan atas hartanah pegangan bebas seluas 143 hektar dikenali sebagai Anjung Sari @ Bandar Setia Alam dan PKNS (defendan kedua) adalah pemilik berdaftar hartanah tersebut. Plaintif mendakwa, bermula dari 2010 kesemua mereka secara berasingan telah memasuki perjanjian jual beli untuk membeli rumah teres tiga tingkat bernilai di antara RM548,888 dan RM741,902 yang dibangunkan oleh Sazean Development, yang menurut klausa dalam perjanjian itu defendan pertama harus memberikan milikan kosong kepada kesemua plaintif dalam masa 24 bulan dari tarikh perjanjian jual beli tersebut. Bagaimanapun, kesemua plaintif mendakwa, sehingga semalam mereka masih belum menerima milikan kosong rumah mereka dan apabila ditanya berkali-kali, Sazean Development melalui

beberapa surat memberi alasan bahawa segala kelewatan dalam menyiapkan rumah plaintif berpunca daripada kelewatan PKNS memberikan kelulusan yang diwajibkan.

Seterusnya plaintif mendakwa mereka telah melalui pinjaman bank, membayar hampir 95 peratus daripada harga belian rumah mereka kepada defendan pertama serta telah membayar balik pinjaman yang diambil daripada bank masing-masing dan tindakan Sazean Development melewati pemberian milikan kosong untuk rumah mereka secara langsung menyebabkan defendan memungkiri terma perjanjian jual beli bersama kesemua plaintif. Plaintif juga mendakwa, tindakan defendan pertama memungkiri perjanjian adalah disebabkan kecuaiian dan kegagalan PKNS untuk memastikan pembangunan hartanah itu diberikan kepada sebuah syarikat yang mempunyai kualiti dari segi pengalaman serta kewangan untuk menyelesaikan keseluruhan projek perumahan tersebut dalam jangka masa dijanjikan.

Tindakan kedua-dua defendan itu, dakwa plaintif, telah menyebabkan mereka menanggung kesusahan akibat tidak mampu untuk menduduki rumah idaman seterusnya menanggung kerugian dan kerosakan seperti terpaksa membayar sewa berlebihan sementara menunggu mendapatkan milikan kosong rumah serta kehilangan peluang pendapatan penyewaan. Sehubungan itu, kesemua plaintif menuntut suatu pelaksanaan spesifik untuk Sazean Development memenuhi obligasinya dalam perjanjian jual beli di antara plaintif dan syarikat itu. Secara alternatif, sekiranya defendan pertama gagal menyempurnakan perkara itu, plaintif menuntut suatu deklarasi bahawa PKNS bersama Sazean Development menyelesaikan pembinaan dan pemberian milikan kosong rumah mereka dalam masa enam bulan dari tarikh penghakiman serta deklarasi bahawa Sazean Development dan PKNS menanggung kerugian sewa dan/atau peluang pendapatan sewa yang dialami oleh plaintif.

Kesemua plaintif juga menuntut deklarasi bahawa kedua-dua defendan bertanggungjawab untuk membayar Liquidated Ascertained Damages, ganti rugi am, faedah, kos dan sebarang relif yang dianggap sesuai oleh mahkamah. Sementara itu, ketika ditemui pemberita selepas memfailkan saman itu, Hong yang mewakili kesemua plaintif berkata tindakan tersebut terpaksa diambil sebagai jalan penyelesaian terakhir bagi mendapatkan hak mereka. Difahamkan writ saman akan diserahkan kepada kedua-dua defendan hari ini. — Bernama

Read more: <http://www.theborneopost.com/2015/01/29/10-pembeli-rumah-saman-pkns-pemaju-perumahan/#ixzz3x0Q2RUFF>

Ramai rakyat Indonesia melabur dalam industri hartanah di Sarawak

March 26, 2015, Thursday

KUCHING: Kementerian Perumahan mengenal pasti trend pertumbuhan ketara membabitkan peningkatan jumlah warga asing terutama rakyat Indonesia yang melabur dalam industri hartanah di negeri ini. Menteri Datuk Amar Abang Johari Tun Abang Openg berkata, peningkatan itu sejajar dengan inisiatif yang diperkenal oleh kerajaan seperti menerusi 'Malaysia My Second Home Programme' yang banyak menarik minat pelabur asing untuk memiliki hartanah di Sarawak bagi meningkatkan kualiti kehidupan mereka.

Debahnya, melalui pemerhatian beliau juga, segelintir pelabur asing akan merebut peluang untuk memiliki hartanah di dalam negeri yang menjurus ke arah pembangunan sektor pelancongan perubatan selain untuk tujuan pendidikan anak-anak. "Saya rasa, akan ada banyak lagi warga Indonesia selain Singapura yang menunjukkan minat untuk melabur duit mereka untuk hartanah di sini (Sarawak). "Menurut statistik, daripada jumlah kedatangan pelancong seramai 4.8 juta orang pada tahun lalu, 600,000 pelancong daripada jumlah itu merupakan warga Indonesia yang juga kebanyakannya melawat anak-anak mereka yang melanjutkan pengajian (di institusi pengajian tinggi) di sini serta melancong sambil mendapatkan rawatan di sini yang dipercayai lebih murah berbanding di negara asal mereka. "Justeru, trend bagi pelancong asing yang melabur untuk hartanah dilihat meningkat dan kita juga secara terbuka memberi peluang kepada mereka untuk melabur selain menyambut mereka sebagai pelancong," katanya selain menambah usaha itu juga dilihat mampu memperluaskan industri perumahan di negeri ini.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Penutupan Seminar Kesedaran anjuran Kementerian Perumahan dan Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Sarawak (SHEDA) di Hotel Riverside Majestic di sini, semalam. Sementara itu, bercakap pada sidang media selepas majlis penutu-pan seminar, Abang Johari berkata, penganjuran seminar itu adalah bertujuan meningkatkan kesedaran dan pengetahuan umum berkaitan Ordinan Pembangunan Perumahan (Kawalan dan Perlesenan) (HDO) 2013, Peraturan Pembangunan Perumahan (Kawalan dan Perlesenan) 2014 dan Peraturan Pembangunan Perumahan (Kawalan dan Perlesenan) (Pindaan) (HDR) 2015.

Pada masa sama, jelas Abang Johari, seminar yang dihadiri badan profesional seperti peguam, warga perbankan, perancang hartanah dan arkitek itu juga bertujuan merangsang pertumbuhan yang teratur dan mantap bagi industri perumahan selain memastikan keseimbangan antara kepentingan pemaju hartanah dan hak pembeli hartanah. "Selain itu, pengenalan kepada undang-undang baharu berkaitan pembangunan perumahan itu ada-lah untuk mengambil kira maklum balas daripada semua pemegang saham selain sebagai langkah melindungi kepentingan pembeli hartanah itu sendiri," katanya. Seminar yang sama akan diteruskan di Miri pada 30 dan 31 Mac, Bintulu (1 dan 2 April) dan Sibu (6 dan 7 April). Orang ramai yang berminat menyertai seminar tersebut boleh mendaftar nama dengan menghubungi Sekretariat SHEDA Deborah atau Michelle atau Harea atau Florence di talian 082-366334 atau e-mel ke alamat: michelle.comm@sheda.org.my.

Read more: <http://www.theborneopost.com/2015/03/26/ramai-rakyat-indonesia-melabur-dalam-industri-hartanah-di-sarawak/#ixzz3x0PoxH6k>

Kerajaan laksana projek bangun Kampung Datu Baru

May 24, 2015, Sunday

Lot rumah, rumah mampu milik dibina tampung keperluan penduduk Kpg Datu dan Hilir: Abg Johari

Oleh Borhaniza Ali Basah //

SIBU: Kerajaan negeri melaksanakan projek pembangunan Kampung Datu Baru di sini dengan menyediakan lot-lot perumahan dan rumah mampu milik bagi menampung keperluan perumahan penduduk Kampung Datu dan Kampung Hilir. Menteri Perumahan Datuk Amar Abang Johari Tun Abang Openg berkata, Lembaga Pembangunan dan Lindungan Tanah (PELITA) dipertanggungjawab menyediakan infrastruktur asas manakala Perbadanan Pembangunan Perumahan Sarawak (HDC) berperanan membina unit-unit rumah mampu milik di kawasan tersebut. "HDC berperanan membina 33 unit rumah mampu milik di kawasan tersebut dan jumlah itu ditambah bergantung kepada keperluan serta menjadikan semuanya 60 unit. "Selain itu, sebanyak 137 lot/tapak rumah disediakan kepada penduduk yang layak di kawasan tersebut dan ini bermakna semuanya lebih kurang 200 lot," katanya pada Majlis Pelancaran Projek Perumahan Kampung Datu Baru, Sibu semalam.

Menurutnya, kerja penyediaan infrastruktur telah pun disiapkan manakala pembinaan 33 unit rumah dimulakan dalam masa terdekat. "Subsidi kerajaan rumah ini dua pertiga harga lebih kurang RM270,000 tetapi mereka hanya perlu membeli RM100,000 sahaja dan kira-kira RM200,000 ditanggung kerajaan. "Pelaksanaan projek tersebut untuk membangunkan Kampung Datu Baru sebagai sebuah penempatan moden, teratur dan mapan," ujarinya. Bagi pemberian lot dan unit rumah, katanya, sebuah Jawatankuasa Pemilihan ditubuhkan untuk menyaring dan mempertimbang permohonan daripada penduduk yang layak. "Sebagai permulaan, para waris mengalami kebakaran rumah mempunyai geran tanah tetapi tidak atau belum mempunyai rumah diberi keutamaan pemberian lot rumah dan unit rumah tersebut. "Dari segi harga rumah, kerajaan memastikan harga rumah ditetapkan pada harga berpatutan mengikut kemampuan penduduk," katanya.

Tambahnya, pembiayaan pembelian rumah diuruskan HDC dengan lot-lot rumah diberikan kepada penduduk yang layak dengan kadar rendah dan melibatkan susidi kerajaan. "Oleh itu, kerajaan menetapkan moratorium selama 10 tahun ke atas unit rumah tersebut dan rumah itu tidak boleh dijual. "Sekiranya hendak dijual selepas tempoh 10 tahun, pemilik dikehendaki membayar balik kepada kerajaan jumlah subsidi diberikan daripada harga jualan rumah," jelasnya. Sementara itu, bagi keluarga yang lain, kerajaan menyediakan unit-unit rumah mampu milik di kawasan Batu 11, Sibu (tapak silviculture). Menurutnya, kawasan perumahan baharu itu dikenali sebagai kawasan perumahan Nangka Baharu dan merupakan pembangunan bercampur turut menyediakan kemudahan asas seperti surau, dewan masyarakat dan medan perniagaan.

Di samping itu, kerajaan negeri mengenal pasti tapak tanah di Kemuyang, Sibu seluas 212 ekar untuk dibangunkan sebagai lot-lot perumahan. "Kawasan Kemuyang dibangunkan untuk menempatkan keluarga tambahan memerlukan tapak tanah membina rumah masing-masing termasuk penduduk dari Kampung Datu dan Kampung Hilir. "Kawasan Kemuyang menyediakan lebih kurang 1,400 lot untuk pembinaan rumah dan dirancang dibangunkan di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11)," katanya.

Read more: <http://www.theborneopost.com/2015/05/24/kerajaan-laksana-projek-bangun-kampung-datu-baru/#ixzz3x0POKUCR>

Projek perumahan Premier Residences paling canggih

November 22, 2015, Sunday

ia akan dilengkapi teknologi pusat pangkalan data dan menyimpan maklumat mengenai kerosakan

Oleh Jessica Jawing //

KUCHING: Projek perumahan pangsapuri di Batu 5 Matang di sini antara yang pertama di Sarawak akan dilengkapi dengan teknologi pusat pangkalan data, menyimpan maklumat mengenai sebarang kerosakan. Menteri Perumahan Datuk Amar Abang Johari Tun Abang Openg berkata, projek perumahan yang dinamakan Premier Residences itu terdiri daripada 448 unit pangsapuri empat tingkat, 147 unit teres dua tingkat, 18 unit berkembar dua tingkat dan 114 pangsapuri tinggi. "Projek ini istimewa kerana ia dilengkapi teknologi pusat pangkalan data yang menyimpan maklumat dan ini adalah yang pertama di Sarawak menggunakan teknologi sama seperti di Singapura. "Pusat ini akan menyimpan data dan sekiranya berlaku sebarang kerosakan seperti lif atau lampu atau kerosakan am lain, maka ia secara automatik dapat dikesan bagi memudahkan penyelenggaraan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan projek perumahan Premier Residences (Batu 5 Matang) yang dihadiri Menteri Muda Perumahan Datuk Abdul Karim Rahman Hamzah, Pengerusi Perbadanan Pembangunan Perumahan (HDC) Datuk Dr Abang Abdul Rauf Abang Zen dan Pengerusi Daya Builders Sdn Bhd Dr Abdul Rahman Junaidi di sini, semalam. Projek berkenaan yang akan dimulakan dalam masa terdekat ini mengambil masa tujuh tahun penyiapan dan ia merupakan projek pembangunan campur oleh pemaju swasta dan agensi kerajaan, iaitu Premier Builders dan Daya Builders Sdn Bhd, anak syarikat HDC. Abang Johari berkata, bagi pembelian rumah dalam projek berkenaan ia dikhususkan kepada beberapa kategori iaitu bagi pangsapuri empat tingkat, ia menyasarkan golongan berpendapatan RM3,000 ke bawah. Sementara bagi perumahan lain, ia kepada golongan kelas pertengahan yang berpendapatan RM3,000 hingga RM5,000. "Saya percaya projek ini akan menjadikan kawasan Matang lebih maju di samping kemudahan-kemudahan sedia ada di sekitar seperti bangunan komersial, perbankan serta pelbagai lagi. "Sebagai permulaan, fasa pertama pembinaan akan dimulakan dengan pangsapuri empat tingkat dan saya berharap selepas ini Matang akan mempunyai satu lagi kawasan baharu dari segi perumahan moden," ujarinya.

Beliau memberitahu, ia merupakan projek ketiga perumahan di kawasan Matang pada tahun ini dan menjadikan Matang seperti sebuah bandar baharu kerana lokasinya yang juga strategik. Abang Johari yang juga Menteri Pelancongan berkata, bagi mereka yang ditolak permohonan pinjaman rumah oleh bank dinasihati mendapatkan skim pinjaman daripada Mutiara Mortgage and Credit Sdn Bhd, iaitu di bawah HDC. "Bagi mereka yang bekerja sendiri dan tidak mempunyai slip gaji mereka boleh juga memohon dalam skim pinjaman ini dengan membawa akaun simpanan untuk digunakan sebagai bukti," katanya.

Read more: <http://www.theborneopost.com/2015/11/22/projek-perumahan-premier-residences-paling-canggih/#ixzz3x0P0OtFZ>

Projek perumahan terbengkalai berjaya diselesai

November 17, 2015, Tuesday

Selepas 15 tahun terbengkalai, kini pembeli hartanah projek perumahan Stapok Avenue dapat menarik nafas lega

// Oleh Agnes Tugong //



PROJEK TERBENGKALAI SELESAL: Campur tangan Kementerian Perumahan berjaya menyelesaikan masalah projek perumahan Stapok Avenue yang terbengkalai sejak 15 tahun lalu.

KUCHING: Selepas 15 tahun terbengkalai, kini pembeli hartanah bagi projek perumahan Stapok Avenue di Jalan Stapok Utama di sini dapat menarik nafas lega. Ini selepas, kerajaan me-nerusi Kementerian Perumahan tampil membantu menangani masalah ini dengan menyemak semula pelan bagi projek ini. Semalam, Menteri Datuk Amar Abang Johari Tun Abang Openg telah mengadakan lawatan ke tapak projek bagi mendapatkan gambaran jelas mengenai perkembangan projek berkenaan. Ketika ditemui, Abang Johari berkata pemaju yang merupakan ahli Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Sarawak (SHEDA) telah secara sukarela akan menyiapkan projek ini melibatkan 13 unit rumah. "Kontraktor telah menghilangkan diri dan hartanah ini telah diletakkan di bawah pembubaran. "Memandangkan projek ini telah dibuat kira-kira 15 tahun lepas sebelum penubuhan tribunal perumahan maka kita telah menemui langkah untuk membantu pembeli," katanya. Tambah Abang Johari, Majlis Perbandaran Padawan (MPP) telah bersetuju untuk membangunkan kemudahan awam iaitu jalan menuju kawasan perumahan ini.

Sebaik jalan telah dibina, pembeli boleh berbincang dengan bank di mana pembeli tertakluk kepada perjanjian pembelian baharu. Turut hadir Pengerusi MPP Lo Khere Chiang dan Setiausaha Tetap Kementerian Perumahan Dr Wan Lizozman Wan Omar. Dalam pada itu projek jalan ini akan dilaksanakan segera dan dijangka siap dalam tempoh tiga bulan. "Saya kesal dengan pemaju tidak bertanggungjawab ini. Sebab itu saya memper-kenalkan undang-undang baharu di bawah Ordinan

Perumahan bagi memastikan peraturan yang ketat bagi mengelak salah guna kuasa oleh pemaju,” ujarnya.



SELESAIKAN MASALAH: Abang Johari (kanan) dan Lo (dua kanan) bercakap dengan sebahagian daripada pembeli rumah ketika lawatan ke tapak projek semalam.

Read more: <http://www.theborneopost.com/2015/11/17/projek-perumahan-terbengkalai-berjaya-diselesai/#ixzz3x0OePjQE>

Projek Perumahan Kampung Datu Baru bukti kerajaan komited bantu rakyat

May 24, 2015, Sunday

SIBU: Pelancaran Projek Perumahan Kampung Datu Baru, SibU menjadi bukti jelas Kerajaan Negeri komited membantu masyarakat Kampung Datu dan Kampung Hilir. Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Nangka, Dr Annuar Rapa'ee berkata setiap apa yang dirancang untuk penduduk Kampung Datu sejak dua tahun dahulu bukan satu perancangan tetapi menjadi satu realiti. “Apa juga perancangan, mustahil dapat dilaksanakan dengan sekelip mata. Setiap perancangan harus dilakukan dengan penuh teliti dan mengambil kira banyak perkara khususnya kewangan dan kebaikan secara keseluruhan,” katanya pada Majlis Pelancaran Projek Perumahan Kampung Datu Baru, SibU yang disempurnakan Menteri Perumahan, Datuk Amar Abang Johari Tun Abang Openg di sini semalam.

Beliau yang sering menerima kritikan berhubung isu penempatan mangsa kebakaran Kampung Datu mengambil pendekatan tidak mahu menyahut fitnah ataupun tohmahan tersebut. “Walaupun saya banyak menghadapi pelbagai cakap-cakap tepi jalan, mengatakan tiada usaha langsung membantu

kebijakan penduduk Kampung Datu dan Hilir ini. “Namun, saya tidak mahu menyahut fitnah ataupun tohmahan tersebut tetapi biarlah kenyataan bercakap dengan sendiri,” ujarnya.

Justeru itu, beliau menggesa penduduk agar bersatu padu ketika menghadapi masalah supaya jalan penyelesaian dapat ditemui. “Tidak perlulah sesuatu masalah itu mengakibatkan kita berpecah-belah, bermakian dan memfitnah kerana itu bukan budaya kita,” ujarnya. Beliau juga meminta kerjasama pihak media supaya meneliti sesuatu isu sedalam-dalamnya sebelum menyebarkannya kepada masyarakat umum. “Jika saya ingin mengungkit perkara yang berlaku selama dua tahun ini, pertamanya isu surau. Mengatakan tanah surau akan dirampas, sekarang terbukti tanah surau tersebut tidak dirampas. “Jadi, saya minta kepada rakan-rakan media supaya pastikan fakta tersebut betul terlebih dahulu sebelum disebar. “Kerana kita tidak mahu terlibat dalam penyebaran fitnah,” katanya.

Read more: <http://www.theborneopost.com/2015/05/24/projek-perumahan-kampung-datu-baru-bukti-kerajaan-komited-bantu-rakyat/#ixzz3x0OLQXfj>

Dasar perumahan baharu digubal untuk permudah rakyat beli rumah

August 15, 2015, Saturday

KUCHING: Kementerian Perumahan Sarawak sedang menggubal satu dasar perumahan baharu untuk memudahkan rakyat negeri ini membeli rumah, kata Menteri Datuk Amar Abang Johari Tun Abang Openg. Jelas beliau, dasar itu akan membolehkan kementerian mewujudkan satu kategori rumah yang baharu dalam kelulusan reka bentuk iaitu rumah berharga RM300,000 ke bawah dan RM250,000. “Kita merangka dasar perumahan baharu ini kerana harga rumah sekarang sangat mahal iaitu lebih RM350,000. “Apabila ini sudah siap, saya akan membawa kepada kabinet dan diharap tahun depan kita akan mempunyai dasar perumahan yang baharu,” katanya. Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Ramah-Tamah Aidilfitri Kementerian Perumahan Sarawak dan Kementerian Pelancongan Sarawak di sebuah hotel terkemuka di sini, kelmarin.

Selain itu, Abang Johari berkata kementeriannya juga mempunyai satu kaedah baharu dengan mengenakan caj levi kepada pemaju yang tidak menggunakan tanah sendiri untuk membina rumah kos rendah iaitu antara RM120,000 ke bawah. “Kalau pemaju tak buat, kita akan dikenakan caj levi kepada mereka dan ini merangkumi semua bukan sahaja rumah kos rendah tetapi juga bangunan komersial,” katanya. “Ini perubahan yang akan dilaksanakan oleh Kementerian Perumahan kerana kita mahu semua rakyat mendapat rumah,” katanya.

Dalam pada itu, Abang Johari berkata kementeriannya juga telah memperkenalkan undang-undang baharu untuk menguruskan pembangunan perumahan di Sarawak selain mewujudkan institusi kewangan – Mutiara Mortgage and Finance bagi membantu orang yang tidak mendapat pinjaman daripada bank untuk membeli rumah. Sementara itu, Abang Johari yang juga Menteri Pelancongan berkata pelancongan perubatan telah menjadi antara penyumbang kepada sektor pelancongan negeri. “Kita telah melihat pengembangan dua hospital pakar di Kuching iaitu KPJ dan Timberland selain daripada hospital lain termasuk di Sib. “Ini akan menjadi satu segmen yang mempunyai masa

depan yang sangat cerah untuk negeri kita kerana kos perubatan yang berpatutan dan doktor kita mempunyai kepakaran tertentu untuk para pesakit yang datang ke sini,” katanya.

Di samping itu, beliau berkata kementeriannya bersama Kerajaan Negeri Sabah juga sedang mengadakan rundingan untuk mendapatkan serta mengambil alih MASwings di mana perkara itu sudah dipersetujui oleh kerajaan pusat. “Kalau ini berlaku, maknanya kita akan mempunyai penerbangan sendiri untuk kita mewujudkan laluan di antara Kuching, Kota Kinabalu dan hab pasaran iaitu Hong Kong, Singapura, Jakarta, Bangkok selain bandar-bandar di Australia dan Tenggara China,” katanya. Sementara itu Abang Johari memberitahu, kedua-dua kementeriannya juga akan mendapat penambahan staf dan perkara itu sudah diluluskan oleh Kabinet Negeri. “Ini bermakna, kedua-dua kementerian saya diberi perhatian oleh kerajaan kerana ia adalah sektor yang penting. “Oleh itu, saya mahu semua kakitangan meningkatkan produktiviti dalam menyampaikan perkhidmatan untuk memberi kemajuan kepada ekonomi Sarawak,” katanya.

Read more: <http://www.theborneopost.com/2015/08/15/dasar-perumahan-baharu-digubal-untuk-permudah-rakyat-beli-rumah/#ixzz3x0O5jr00>

Kerajaan perkenal Skim Pinjaman Perumahan Mutiara

June 18, 2015, Thursday

Ia sebagai satu lagi pendekatan membantu golongan berpendapatan rendah di negeri ini: Abg Johari

Oleh Jessica Jawing //



SIMBOLIK: Abang Johari menandatangani plak logo Skim Pinjaman Perumahan Mutiara sebagai

simbolik pelancaran sambil disaksikan Abdul Karim (kiri), Ahmad Tarmizi (tiga kiri) serta tetamu jemputan lain.

KUCHING: Kementerian Perumahan memperkenalkan skim pinjaman perumahan baharu iaitu Skim Pinjaman Perumahan Mutiara sebagai satu lagi pendekatan membantu golongan berpendapatan rendah di negeri ini. Menteri Datuk Amar Abang Johari Tun Abang Openg berkata, skim berkenaan khususnya diadakan bagi memenuhi keperluan kewangan kumpulan berpendapatan rendah membeli dan memiliki rumah sendiri. "Skim ini dibiayai kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan dengan sokongan daripada Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia dan ia menyasarkan pemohon dengan pendapatan seisi rumah kasar RM5,000 sebulan dan ke bawah. "Had pembiayaan adalah sehingga 95 peratus kerana kami juga ingin melihat komitmen di kalangan peminjam untuk membayar pendahuluan minimum bagi mendapatkan pinjaman," katanya. Tambah beliau, skim berkenaan membolehkan pinjaman antara generasi di kalangan ahli keluarga bagi memastikan mereka mampu membayar balik bayaran bulanan. Beliau berkata demikian semasa berucap melancarkan Skim Pinjaman Perumahan Mutiara yang dihadiri Pengerusi Mutiara Mortgage and Credit Sdn Bhd Dato Sri Ahmad Tarmizi Sulaiman dan Menteri Muda Perumahan Datuk Abdul Karim Rahman Hamzah di sini, semalam.

Skim yang akan diuruskan Mutiara Mortgage and Credit Sdn Bhd, sebuah subsidiari milik sepenuhnya Perbadanan Pembangunan Perumahan (HDC) itu turut dibuka kepada pemohon masih bujang dengan syarat berusia 30 tahun dan ke atas. Abang Johari memberitahu, pada peringkat awal skim berkenaan akan dibuka kepada projek Program Perumahan Rakyat (PPR) iaitu sebuah projek kerajaan yang dijalankan menerusi pembiayaan persekutuan. "Ini termasuk antara lain PPR Lambir, Miri yang akan siap tidak lama lagi, PPR Sungai Tengah Matang dan PPR Petra Jaya, Kuching. "Liputan skim akan diperkembangkan pada masa depan selepas kita memperolehi pembiayaan tambahan sama ada daripada kerajaan sendiri atau daripada sumber luar lain. "Dengan menjangkakan permintaan yang tinggi bagi pinjaman ini, Mutiara Mortgage mungkin akan meneroka kemungkinan untuk mendapatkan pembiayaan daripada pasaran wang," katanya.

Meskipun Mutiara Mortgage menyediakan talian hayat kewangan kepada pembeli rumah berpotensi, bagaimanapun institusi kewangan dan perbankan perlu terus memainkan peranan dalam menyediakan pembiayaan kepada pembeli di bawah skim masing-masing. Menurut Abang Johari, Skim Pinjaman Perumahan Mutiara menawarkan diri sebagai alternatif, bukan pengganti kepada skim pinjaman sedia ada di pasaran. Ia kerana kata beliau, walaupun syarikat mahu membantu seramai mungkin peminjam berpendapatan rendah, sumbernya ternyata terhad dan ada kekangan.

Read more: <http://www.theborneopost.com/2015/06/18/kerajaan-perkenal-skim-pinjaman-perumahan-mutiara/#ixzz3x0NnCLi4>

BSN terima 746 permohonan bagi Skim Perumahan Belia

November 6, 2015, Friday

Sasaran 1,000 permohonan hingga hujung tahun ini: Yunos

KOTA KINABALU: Bank Simpanan Nasional (BSN) menerima 746 permohonan bagi Skim Perumahan Belia yang ditawarkan kepada pasangan belia berkahwin untuk memiliki rumah pertama, sejak ia dilancarkan pada Oktober lepas. Timbalan Ketua Eksekutif Perbankan Runcit Datuk Yunos Abd Ghani berkata daripada jumlah itu, sebanyak 405 permohonan telah diluluskan membabitkan pembiayaan berjumlah RM101.5 juta. Skim perumahan itu diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak menerusi Bajet 2015 yang antara lain bertujuan membantu pasangan berkahwin berusia antara 25 dan 40 tahun dengan pendapatan isi rumah bulanan tidak melebihi RM10,000.

Yunos berkata skim itu tidak mempunyai tempoh masa tertentu, namun kerajaan menyasarkan sebanyak 20,000 permohonan diluluskan dan ia berasaskan konsep 'Siapa Cepat, Dia Dapat'. "BSN menyasarkan sekurang-kurangnya 1,000 permohonan diterima sehingga hujung tahun ini. BSN amat mengalu-alukan belia mengambil peluang ini," katanya kepada pemberita selepas majlis perasmian Skim Perumahan Belia peringkat negeri di cawangan utama BSN Sabah sini, semalam.

Majlis dirasmikan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Sabah Datuk Seri Hajiji Noor yang turut membuat lawatan rasmi di cawangan utama BSN Sabah sempena penjenamaan semula BSN pada 15 Okt lepas yang memperkenalkan identiti dan logo melambangkan evolusi syarikat perbankan itu. Mengenai permohonan skim berkenaan di Sabah, Yunos berkata BSN menerima 58 permohonan dan 30 daripadanya telah diluluskan membabitkan pembiayaan RM7.24 juta. Sementara itu, Hajiji berkata skim perumahan itu adalah antara inisiatif kerajaan membantu golongan muda memiliki rumah. Justeru, beliau menggalakkan golongan belia khususnya di Sabah agar merebut peluang itu sebagai usaha merealisasikan hasrat dan impian mereka memiliki rumah sendiri. Skim Perumahan Belia merupakan inisiatif secara perkongsian pintar antara kerajaan bersama BSN, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Perbadanan Gadai Janji Nasional (Cagamas Bhd). — Bernama

Read more: <http://www.theborneopost.com/2015/11/06/bsn-terima-746-permohonan-bagi-skim-perumahan-belia/#ixzz3x0NVMkWs>

Perumahan lebih baik jika autonomi kepada Sarawak

August 18, 2015, Tuesday

KUCHING: Menteri Perumahan Datuk Amar Abang Johari Tun Abang Openg yakin pelaksanaan sektor perumahan di negeri ini akan bertambah baik sekiranya lebih kuasa autonomi diserahkan kepada Sarawak. Beliau memberitahu penyerahan lebih kuasa itu akan membolehkan kerajaan negeri melaksanakan projek perumahan yang mampu dimiliki oleh rakyat secara menyeluruh dan berkesan. "Kita ada Ordinan Perumahan dan Unit Perancangan Negeri yang bukannya di bawah bidang kuasa kerajaan persekutuan dan perkara ini telah menyukarkan kita untuk menyampaikan pelaksanaan projek perumahan di negeri ini. "Oleh itu, saya yakin dengan penyerahan lebih kuasa autonomi

dalam sektor perumahan Sarawak akan dapat melaksanakan projek perumahan yang mampu dimiliki khususnya di luar bandar dengan lebih berkesan,” katanya. Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas Persidangan Sehari Mesyuarat Kedua bagi penggal kelima Dewan Undangan Negeri (DUN) Ke-17 di sini semalam.

Pada masa sama, Abang Johari berkata selain melancarkan pembangunan sektor perumahan, penyerahan kuasa itu juga dapat membolehkan kerajaan negeri membangunkan kawasan luar bandar dengan cara yang lebih efektif dan cepat. “Tanpa perlu menunggu kelulusan daripada kerajaan persekutuan kita sendiri dapat melaksanakannya yang pastinya menjimatkan masa dan kos,” tambahnya. Sementara itu, Menteri Perancangan Sumber Kedua Datuk Amar Awang Tengah Ali Hasan berkata, pembentangan Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11) Sarawak adalah satu pelan yang komprehensif dan strategik. “Sudah tentu penekanan adalah lebih kepada pembangunan infrastruktur terutamanya di kawasan luar bandar untuk memastikan transformasi dapat dilaksanakan dan ia amat komprehensif dan strategik,” katanya.

Manakala Menteri Muda Perumahan Datuk Abdul Karim Rahman Hamzah turut menyifatkan pelan RMK11 Sarawak adalah usaha kerajaan dalam memastikan pembangunan yang mampan dapat dilaksanakan di seluruh kawasan di negeri ini. “Sarawak adalah satu-satunya negeri di Malaysia yang mempunyai perancangan lima tahun sendiri yang menunjukkan negeri Sarawak berlainan dari negeri lain. “Apa yang telah dibentangkan oleh Ketua Menteri adalah menyeluruh sekali merujuk kepada rancangan kerajaan untuk membangunkan negeri untuk tempoh lima tahun akan datang mengikut apa yang tersedia dalam RMK11,” ujarnya.

Read more: <http://www.theborneopost.com/2015/08/18/perumahan-lebih-baik-jika-autonomi-kepada-sarawak/#ixzz3x0NAHNS5>

SHEDA lancar Survei Perumahan Mampu Milik

July 29, 2015, Wednesday

Oleh Nick Fletcher//



DI SINI: Wong (duduk, dua kanan) bersama ahli SHEDA yang lain menunjukkan peta cadangan bagi skim perumahan mampu milik di Sarawak.

KUCHING: Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Sarawak (SHEDA) kini melancarkan Survei Perumahan Mampu Milik untuk mendaftar orang ramai yang berminat membeli rumah mampu milik berharga RM250,000 ke bawah di seluruh Sarawak. Pada masa sama, Presiden SHEDA Joseph Wong Kee Liong berkata kajian tersebut juga bertujuan mengumpul maklumat yang cukup untuk menyokong pemerhatian SHEDA berhubung jurang yang semakin meningkat dalam pasaran Sarawak antara rumah kos rendah dan rumah berharga normal. "Survei ini adalah langkah pertama SHEDA untuk mengurangkan jurang dan menyediakan perumahan kepada pembeli rumah baharu pada masa depan," katanya pada sidang media di ibu pejabat SHEDA di sini, semalam.

Wong turut menekankan bahawa cadangan Perumahan Mampu Milik SHEDA itu juga tidak bersaing dengan skim perumahan kerajaan seperti PR1MA, MyHome1 dan MyHome2, yang hanya menyediakan bilangan rumah sedemikian yang terhad di Sarawak. Justeru, katanya SHEDA bercadang membina rumah-rumah tersebut di lokasi yang agak penting di Kuching, Kota Samarahan, Sibu, Miri dan Bintulu. Tambah beliau, cadangan itu juga bertujuan mengekalkan keperluan standard perancangan untuk membina rumah normal. Bagaimanapun, katanya oleh kerana kos tanah yang tinggi, kerajaan negeri perlu melonggarkan beberapa kriteria bagi membolehkan cadangan itu dilaksanakan. Jelas beliau, kriteria berkenaan adalah seperti mengurangkan keperluan kawasan hadapan atau belakang seluas tiga meter (untuk pembangunan tanah) dan menghapuskan kawalan kepadatan untuk pembangunan kediaman.

Selain itu, katanya adalah menerima pakai kepadatan 'nisbah plot' untuk bangunan tinggi dan mengecualikan pemaju yang membina skim perumahan mampu milik di bawah SHEDA daripada membina perumahan kos rendah atau membuat bayaran sebagai ganti. "Cadangan ini sudah diserahkan kepada kerajaan negeri baru-baru ini dan SHEDA mahu kerajaan negeri mempertimbangkannya kerana jika berjaya dilaksanakan, ia dapat memberi manfaat kepada golongan berpendapatan rendah dan sederhana serta menstabilkan harga pasaran perumahan semasa," katanya.

Dalam pada itu, Wong berkata beberapa ahli pemaju SHEDA juga sudah menyuarakan sokongan dan komitmen untuk membekalkan rumah dan secara kolektif, SHEDA berharap untuk membina kira-kira 10,000 unit rumah di bawah skim tersebut dalam tempoh lima tahun. "Inisiatif ini adalah sebagai antara cara pemaju menyumbang kepada masyarakat dengan menyediakan peluang kepada mereka yang terperangkap dalam tekanan pasaran semasa untuk memiliki rumah," katanya. Tambah beliau, SHEDA pada masa ini telah menerima 17 cadangan pembangunan daripada 11 ahli pemajunya yang terdiri daripada unit rumah mampu milik dengan lantai minimum seluas 850 kaki persegi (tiga bilik tidur dan dua bilik mandi) di seluruh Sarawak. Sehubungan itu, katanya orang ramai yang mendaftar dalam Survei Perumahan Mampu Milik SHEDA akan diberi keutamaan untuk membeli rumah yang dibina dibawah skim tersebut. Orang ramai yang berminat untuk menyertai survei ini boleh mendaftar di www.sheda.org.my/affordablehousing atau mengunjungi gerai SHEDA sempena Ekspo Hartanah SHEDA yang akan diadakan dari 25 hingga 27 September nanti di Pusat Konvensyen Borneo Kuching (BCCK).

Read more: <http://www.theborneopost.com/2015/07/29/sheda-lancar-survei-perumahan-mampu-milik/#ixzz3x0LEZBXY>

439 unit rumah teres setingkat dibina di PPR Sungai Tengah

April 12, 2015, Sunday

KUCHING: Projek Program Perumahan Rakyat (PPR) sedang dilaksanakan di Sungai Tengah dekat sini melibatkan pembinaan sebanyak 439 unit rumah teres setingkat. Projek inisiatif kerajaan persekutuan menerusi Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan itu dibina di atas tanah seluas 30.61 ekar. Menelan kos RM73.55 juta, projek itu turut merangkumi pembinaan kemudahan asas seperti surau, dewan serba guna, taman permainan dan kawasan lapang bagi tujuan bersantai dan rekreasi. Menurut Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Abdul Rahman Dahlan, projek itu telah dimulakan pada 29 Disember 2014 dan dijadualkan siap pada 28 Jun 2017. Penduduk, katanya, bakal mempunyai rumah berkeluasan 700 kaki persegi lengkap dengan tiga bilik tidur, dua bilik air, ruang tamu, ruang makan dan dapur. "PPR ini akan disewakan pada kadar RM124 sebulan atau jika kerajaan negeri bersetuju untuk menjualnya, buat masa ini ia akan dijual tidak melebihi RM42,000 seunit untuk negeri ini. "Kos sebenar pembinaan bagi Sarawak ialah antara RM170,000 dan RM180,000 seunit, namun demi kesejahteraan rakyat kerajaan bersetuju untuk memberi subsidi lebih daripada RM100,000 seunit," ujarnya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Pecah Tanah PPR Sungai Tengah Matang (Banjaran Serapi) dekat sini semalam. Majlis tersebut telah dirasmikan oleh Menteri Perumahan dan Pelancongan Datuk Amar Abang Johari Tun Abang Openg. Dalam perkembangan berkaitan, Abdul Rahman berkata kerajaan telah membelanjakan sejumlah RM5.75 bilion bagi melaksanakan projek PPR di seluruh negara. Di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11), katanya, kerajaan akan melipat ganda usaha untuk melaksanakan lebih banyak PPR serta inisiatif baharu yang lain. Sementara itu, berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh Pusat Maklumat Harta Tanah Negara, Kementerian Kewangan jumlah keseluruhan rumah di Malaysia setakat Jun 2013 ialah sebanyak 4.67 juta unit.

Rumah-rumah itu terdiri daripada rumah teres, rumah teres dua tingkat, rumah kembar, pangsapuri, rumah kos sederhana dan rumah kos rendah. Secara keseluruhannya, seramai 4.7 juta isi rumah sudah memiliki rumah sendiri di Malaysia dengan sejumlah 1.7 juta isi rumah masih belum memiliki rumah sendiri. Atas sebab inilah kerajaan Barisan Nasional (BN) melalui Aku Janji Pilihan Raya Umum 2013 telah merancang menyediakan satu juta rumah mampu milik dalam tempoh lima tahun akan datang. Sehingga kini, kerajaan telah dan sedang melaksanakan sebanyak 168 projek PPR di seluruh negara melibatkan pembinaan sebanyak 102,278 unit rumah. Strategi yang dilaksanakan kerajaan BN ini diharap dapat mencapai sekurang-kurangnya 85 peratus penduduk negara mampu memiliki rumah sendiri menjelang 2020.

Read more: <http://www.theborneopost.com/2015/04/12/439-unit-rumah-teres-setingkat-dibina-di-ppr-sungai-tengah/#ixzz3x0KoNrPO>

Perumahan antara yang mungkin diturun kuasa autonomi kepada Sarawak

August 13, 2015, Thursday

KUCHING: Sektor perumahan antara salah satu perkara berkemungkinan diturunkan kuasa autonominya kepada kerajaan negeri untuk melaksanakannya. Menteri Perumahan Datuk Amar Abang Johari Tun Abang Openg berkata, sektor berkenaan adalah antara perkara yang dikemukakan kementerian memandangkan ia sering dibangkitkan di bawah Perlembagaan. "Kita telah mengemukakan kepada pihak Perdana Menteri agar perkara ini diberi kuasa kepada Sarawak namun ia tetap mengikut kerangka perlembagaan dan dengan ini ia memudahkan kita melaksanakan projek-projek berkaitan. "Selain perumahan, sektor strategik iaitu daripada sudut penyampaian (projek) kepada rakyat juga antara yang dikemukakan di mana persekutuan perlu mencari kaedah baharu agar peruntukan yang diterima dari Kuala Lumpur dapat dilaksanakan menerusi kaedah setempat," katanya ketika ditemui pemberita selepas merasmikan Simposium Penyelidikan Antarabangsa mengenai Pengurusan Perkhidmatan Ke-6 (IRSSM-6) di sini, semalam.

Menurut beliau, sektor strategik berkenaan khasnya bagi projek-projek luar bandar seperti jalan raya, bekalan elektrik serta bekalan air, yang mana Sarawak mempunyai kaedahnya sendiri dalam melaksanakannya. Abang Johari yang juga antara pemimpin negeri menyertai perbincangan mengenai penyerahan kuasa autonomi bersama Perdana Menteri, mendedahkan bahawa isu berkenaan sudah lama dikemukakan. Katanya perkara berkenaan dibincangkan semasa Yang di-Pertua Negeri Tun Pehin Sri Abdul Taib Mahmud menjadi Ketua Menteri dan buat masa ini adalah

menunggu masa kaedah dikenal pasti diputuskan. “Apa yang berlaku sekarang ialah mencari perbincangan secara rasmi di mana pada ketika itu ia adalah antara pemimpin sahaja tetapi perkara seperti ini harus kita tekankan kepada perkhidmatan awam. “Maka apabila Datuk Patinggi Tan Sri Adenan Satem menjadi Ketua Menteri, kita mengadakan perbincangan bersama Perdana Menteri dan saya juga terlibat, yang mana kita mahu beliau mencari bagaimana keputusan pelaksanaannya,” kata.

Beliau memberitahu, keputusan juga ditentukan Ketua Setiausaha Negara dan Setiausaha Kerajaan Negeri, yang merupakan pengerusi jawatankuasa khas dalam perkara berkenaan dan percaya keputusan dapat dibuat secepat mungkin. Menteri Pelancongan itu bagaimanapun menegaskan agar tidak ada pihak yang salah tafsir dengan istilah ‘kuasa autonomi’ yang ditegaskan oleh Ketua Menteri. “Kadang-kadang istilah autonomi ini membawa erti lain, namun dalam konteks ini ia adalah menurunkan kuasa kerana dalam Perlembagaan ada kuasa di bawah kerajaan pusat, ada yang dikongsi kedua-dua kerajaan dan ada juga di bawah negeri sahaja. “Ini bermakna, menurunkan kuasa kepada negeri dalam beberapa bidang mengikut Perlembagaan,” katanya. Abang Johari memberitahu, mungkin ada yang beranggapan bahawa istilah autonomi berkenaan adalah kebebasan yang membawa kepada unsur-unsur perpisahan. “Ini yang kita harus berjaga-jaga dan diingatkan bahawa apa yang digunakan Ketua Menteri kita adalah penurunan kuasa kepada kerajaan negeri dalam melaksanakan tugasnya mengikut kerangka Perlembagaan,” tegas beliau lagi.

Read more: <http://www.theborneopost.com/2015/08/13/perumahan-antara-yang-mungkin-diturun-kuasa-autonomi-kepada-sarawak/#ixzz3x0KVYHob>

Dasar perumahan pastikan rakyat miliki rumah

August 11, 2015, Tuesday

Kementerian Perumahan rangka, gubal dasar berikutan harga rumah tinggi ketika ini, bebaskan rakyat

Oleh Mohd Norhadie Sahari //

MIRI: Kementerian Perumahan merangka serta menggubal dasar perumahan bagi memastikan rakyat negeri ini memiliki Rumah Mampu Milik (RMM) selaras dengan pendapatan bulanan isi rumah terutama golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Menteriinya Datuk Amar Abang Johari Tun Abang Openg berkata perkara itu diusulkan dan dibentangkan dalam kabinet berikutan harga rumah tinggi ketika ini dan membebaskan rakyat. “Kementerian Perumahan dalam persediaan merangka serta mengubal semula dasar perumahan iaitu melibatkan rumah kos rendah dan rumah kos sederhana dan perkara ini dibentangkan dalam kabinet akan datang,” katanya pada Majlis Ramah-Tamah Aidilfitri di Dewan Suarah Miri malam kelmarin.

Menurutnya, dasar dilaksanakan lebih 15 tahun perlu dikaji semula agar dapat disesuaikan dengan keperluan perumahan rakyat masa kini. “Harga rumah ketika ini naik secara mendadak bermula dari RM300,000 bagi rumah teres dan mereka berpendapatan bawah RM3,000 dan RM5,000 adalah agak mustahil memiliki rumah sendiri,” jelasnya. Menteri Pelancongan itu berkata, Ketua Menteri Datuk Patinggi Tan Sri Adenan Satem secara prinsipnya bersetuju dasar perumahan digubal bagi

memastikan rakyat memiliki RMM. “Kita membina lebih banyak RMM pada harga RM250,000 supaya rakyat negeri ini dapat membeli rumah sendiri, selain pendekatan membangunkan rumah berharga antara RM180,000 hingga RM250,000,” jelasnya.

Menurutnya, Kementerian Perumahan telah membina RMM di Sungai Rait, Miri serta merancang membina lebih banyak rumah murah di kawasan Padang Kerbau dan Permyjaya berjumlah 1,000 unit keseluruhannya. “Kita juga bercadang membina lebih banyak rumah murah di Miri dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11) termasuk di Padang Kerbau dan Permyjaya,” katanya. Abang Johari berkata ini adalah usaha berterusan kerajaan menyediakan lebih banyak RMM dan rumah kos rendah bagi menampung keperluan rakyat yang sentiasa meningkat.

Sementara itu, beliau berkata ketua-ketua masyarakat harus arif dengan dasar-dasar kerajaan kerana mereka adalah penghubung di antara rakyat dan kerajaan pada peringkat akar umbi. “Kerajaan dan ketua-ketua masyarakat diibaratkan ‘aur dan tebing’ iaitu saling bergantung satu masa lain, justeru peranan mereka penting dalam menjelaskan dasar-dasar kerajaan di peringkat akar umbi,” katanya. Majlis dianjurkan oleh Majlis Ketua Masyarakat Melayu Miri itu dihadiri lebih 1,000 tetamu. Pada majlis sama, Abang Johari mengumumkan geran berjumlah RM50,000 kepada Majlis Ketua Masyarakat Melayu Miri.

Read more: <http://www.theborneopost.com/2015/08/11/dasar-perumahan-pastikan-rakyat-miliki-rumah/#ixzz3x0K9WJs7>

Projek pembinaan baharu PPR Sungai Tengah dirasmi esok

April 10, 2015, Friday

KUCHING: Projek pembinaan baharu perumahan rakyat di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Sungai Tengah (Banjaran Serapi), Fasa II, di Matang, di sini akan dirasmikan pada Sabtu (11 April) ini. Perasmian dijangka di-sempurnakan oleh Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Abdul Rahman Dahlan dan Menteri Perumahan Datuk Amar Abang Johari Tun Abang Openg. Perbadanan Pembangunan Perumahan (HDC) menerusi kenyataan akhbarinya semalam berkata, PPR Sungai Tengah (Banjaran Serapi), Fasa II merupakan projek pembinaan baharu yang dijalankan di kaki Gunung Serapi. Apabila pembinaan itu siap kelak, ia akan menjadi tapak perumahan rumah teres satu tingkat dengan 439 unit mampu milik selain menawarkan rumah berkualiti tinggi yang dilengkapi tiga bilik tidur, dua bilik mandi, ruang tamu dan ruang makan, dapur serta kawasan riadah.

Dirancang dibina di atas keluasan tanah kira-kira 700 kaki persegi untuk setiap unit, projek pembangunan perumahan baharu itu juga akan dilengkapi dengan dewan serba guna, gelanggang badminton, pejabat pengurusan, bilik mesyuarat, bilik darjah, bilik komputer, pantri, tandas dan surau. Ketua Pegawai Eksekutif HDC Sarawak Wan Mohd Yusop Wan Mos berkata, projek itu merupakan sebahagian daripada komitmen HDC untuk mewujudkan lebih banyak rumah mampu milik di bandar raya ini khusus untuk golongan berpendapatan rendah. “Projek pembinaan perumahan ini dijangka siap dalam tempoh 24 bulan,” katanya.

Read more: <http://www.theborneopost.com/2015/04/10/projek-pembinaan-baharu-ppr-sungai-tengah-dirasmi-esok/#ixzz3x0JvsX1e>

Kementerian Perumahan mohon membina 12,222 rumah dimiliki, 5,012 rumah disewa

April 29, 2015, Wednesday

KUCHING: Kementerian Perumahan telah menge-mukakan permohonan untuk membina sebanyak 12,222 unit rumah dimiliki dan 5,012 unit rumah disewa di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR) dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11). Menterinya Datuk Amar Abang Johari Tun Abang Openg berkata ia adalah usaha berterusan kerajaan menyediakan lebih banyak rumah mampu milik dan rumah kos rendah untuk menampung keperluan rakyat yang sentiasa meningkat. Bagaimanapun, katanya jumlah tersebut sudah tentu tidak mencukupi untuk menampung permintaan pada masa depan.

Maka, katanya pembekalan rumah awam akan turut di-tampung melalui program-program lain yang dilaksanakan seperti program Rumah Mesra Rakyat, PR1MA, MyHome Scheme, Skim Perumahan Belia, Skim Perumahan Nelayan dan Program Bantuan Rumah. "Kita juga tidak hanya bergantung kepada peruntukan kerajaan persekutuan untuk membina rumah mampu milik tersebut. "Perbadanan Pembangunan Perumahan Sarawak (HDC) juga telah merancang membina 3,508 unit rumah mampu milik dalam RMK11 di atas tapak tanah milik sendiri. "Ini adalah bagi menampung permintaan golongan berpendapatan sederhana agar mereka turut mampu membeli rumah," katanya menerusi ucapan penggulu-ngan Kementerian Perumahan pada Persidangan Dewan Undangan di sini, semalam.

Dalam pada itu, Abang Johari berkata kementeriannya bersama Kementerian Perancangan Sumber dan Alam Sekitar serta agensi berkaitan juga sedang mengkaji semula dasar rumah kos rendah dan rumah kos sederhana rendah. Menurutnya, dasar yang dilaksanakan lebih 15 tahun itu perlu dikaji semula agar ia dapat disesuaikan dengan keperluan perumahan rakyat pada masa kini. Dasar rumah kos rendah dan rumah kos sederhana rendah adalah melibatkan penyediaan rumah oleh pemaju perumahan swasta berdasarkan peratusan kuota dari 10 peratus hingga 30 peratus bergantung kepada keluasan sesebuah projek perumahan yang hendak dilaksanakan. Harga rumah yang ditawarkan ialah antara RM50,400 hingga RM100,000 seunit khususnya untuk golongan berpendapatan rendah yang berpendapatan kasar isi rumah kurang daripada RM3,000 sebulan untuk rumah kos rendah dan RM5,000 sebulan untuk rumah kos sederhana rendah.

Pada masa sama, Abang Johari berkata kementeriannya juga sedang mengkaji opsyen untuk mengenakan levi perumahan ke atas para pemaju yang memilih untuk tidak membina rumah kos rendah di bawah dasar tersebut. Berhubung penyelesaian masalah setinggan, Abang Johari berkata lebih banyak rumah mampu milik akan dibina di kawasan yang mempunyai bilangan keluarga setinggan yang besar seperti di bandar raya Kuching, Miri dan Bintulu. Katanya dalam RMK11, kementeriannya telah mengemukakan cadangan pembinaan rumah mampu milik di kawasan-kawasan tersebut selain cadangan pembinaan projek-projek rumah mampu milik oleh HDC.

Jumlah setinggan di seluruh Sarawak yang direkodkan pada 2010 ialah sebanyak 9,760 Ketua Isi Rumah (KIR) namun sejak Pelan Tindakan Penyelesaian Setinggan Ne-geri dilaksanakan pada tahun tersebut, sebanyak 2,750 KIR setinggan atau 28.2 peratus telah diluluskan penyelesaian oleh kerajaan melalui kaedah-kaedah penyelesaian yang ditentukan. “Pemantauan dan penguatkuasaan ke atas pertum-buhan baharu setinggan akan dipertingkatkan lagi dan mana-mana setinggan baharu yang dikenal pasti akan diambil penguatkuasaan segera termasuk tindakan pengusiran,” katanya.

Read more: <http://www.theborneopost.com/2015/04/29/kementerian-perumahan-mohon-membina-12222-rumah-dimiliki-5012-rumah-disewa/#ixzz3x0JbAvZO>

Syarat perumahan baharu kerajaan P. Pinang hanya untungkan pemaju

October 20, 2015, Tuesday

GEORGE TOWN: Syarat rumah mampu milik baharu kerajaan Pulau Pinang hanya memberi faedah kepada pemaju dan bukannya golongan berpendapatan rendah, kata Ketua Biro Undang-Undang dan Biro Aduan Awam Pemuda GERAKAN, Jason Loo. Beliau berkata syarat rumah mampu milik baharu yang menaikkan kadar pendapatan bulanan isi rumah hanya membantu pemaju menjual unit-unit rumah mereka. Jelasnya berdasarkan kajian baru-baru ini 49 peratus pendapatan bulanan isi rumah penduduk negeri ini kurang RM4,000 dan mereka masih tidak mampu membeli rumah. “Kerajaan negeri perlu menyelesaikan masalah dengan mengurangkan harga hartanah dalam semua kategori rumah mampu milik bukannya membantu pemaju dengan menaikkan pendapatan bulan isi rumah,” katanya kepada pemberita di sini, semalam. Loo berkata dengan syarat baharu, isi rumah yang berpendapatan di bawah RM4,000 masih tidak mampu membeli rumah pertama.

Isnin minggu lepas pengerusi Jawatankuasa Perancangan Bandar dan Desa dan Perumahan negeri, Jagdeep Singh Deo mengumumkan kenaikan siling pendapatan isi rumah untuk pemohon rumah mampu milik di negeri ini bagi membolehkan lebih ramai yang memohon pinjaman bank untuk membeli rumah. Bagaimanapun Loo berkata kategori khas rumah mampu milik kerajaan negeri RM150,000 tidak membantu kerana unit-unit tersebut tidak mempunyai tempat letak kereta dan kemas, bermakna kos tambahan kepada para pembeli. Beliau turut mencadangkan kerajaan negeri menurunkan harga semasa rumah mampu milik RM200,000 kepada RM400,000 bagi memastikan rakyat Pulau Pinang benar-benar mampu membeli rumah. “Menyalahkan kerajaan persekutuan dan Bank Negara tidak akan menyelesaikan masalah. Jangan salahkan Pihak Ejen Pemaju,” ujarnya. Syarat baharu rumah mampu milik kerajaan negeri menaikkan siling pendapatan isi rumah untuk rumah mampu milik kepada masing-masing RM200,000; RM300,000 dan RM400,000 kepada RM8,000; RM10,000 dan RM12,000 kepada RM6,000; RM8,000 dan RM10,000.

— Bernama

Read more: <http://www.theborneopost.com/2015/10/20/syarat-perumahan-baharu-kerajaan-p-pinang-hanya-untungkan-pemaju/#ixzz3x0JGcGov>

Penelitian secara holistik perlu selesai masalah perumahan polis

June 29, 2015, Monday

Pastikan semua polis nikmati kemudahan berkualiti dan sepatutnya

TAWAU: Penelitian secara holistik perlu dilakukan untuk menyelesaikan masalah perumahan polis, khususnya di kawasan luar bandar, kata Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi. Beliau berkata perkara itu sangat penting untuk memastikan semua pegawai dan anggota polis menikmati kemudahan yang berkualiti dan sepatutnya. “Semua pegawai dan anggota polis, sama ada di bandar atau di kawasan pedalaman berhak mendapat kemudahan yang sepatutnya. Oleh itu kita perlu membuat penelitian secara terperinci untuk memastikan perkara itu dapat dicapai,” katanya kepada pemberita selepas mengadakan lawatan kerja di Pulau Sebatik, dekat sini semalam.

Pada masa sama beliau berkata, pada mesyuarat jemaah menteri minggu lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak telah memberi peruntukan tambahan untuk membaik pulih rumah polis dan tentera. “Walaupun kerajaan telah memberi peruntukan yang sangat besar untuk membaik pulih rumah polis dan tentera, iaitu sebanyak RM100 juta pada tahun ini, namun peruntukan itu didapati tidak mencukupi bagi membaik pulih dan jauh sekali untuk mempertingkatkan kemudahan sedia ada. “Oleh itu kita sangat berterima kasih kepada kerajaan, terutamanya kepada perdana menteri yang telah memberi peruntukan tambahan untuk membaik pulih rumah kediaman Polis Diraja Malaysia dan tentera,” kata Ahmad Zahid.

Mengulas mengenai lawatannya hari ini, beliau berkata ia bertujuan untuk meninjau kemudahan balai termasuk rumah kediaman polis di kawasan pedalaman. “Kita telah meninjau beberapa kemudahan balai polis di kawasan ini (Pulau Sebatik) dan kita mendapati ada kemudahan balai yang tidak berada pada tahap yang sepatutnya. “Kita mendapati spesifikasi pembinaan kemudahan berkenaan tidak mengikut tahap yang seharusnya dan ada kemungkinan ia dipengaruhi oleh faktor kos pengangkutan, namun ia tidak seharusnya terjadi,” katanya. Ahmad Zahid berkata masalah ini perlu diatasi dan kerajaan tidak akan berkompromi tentang perkara itu kerana mahu memastikan semua anggota dan pegawai polis mendapat kemudahan yang sebaiknya. — Bernama

Read more: <http://www.theborneopost.com/2015/06/29/penelitian-secara-holistik-perlu-selesai-masalah-perumahan-polis/#ixzz3x0IoUi91>

Kementerian Perumahan kaji cadangan SHEDA untuk bina rumah mampu milik

September 26, 2015, Saturday

KUCHING: Kementerian Perumahan sedang mengkaji cadangan Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Sarawak (SHEDA) untuk membina rumah mampu milik. Menterinya Datuk Amar Abang Johari Tun Abang Openg berkata kementerianya kini sedang berusaha mencari penyelesaian bagi pembinaan rumah mampu milik yang akan memberi manfaat kepada semua pihak termasuk pembeli. “Kami sedang mengkaji cadangan tersebut dan pada masa yang sama kami juga mempunyai cadangan sendiri bagi menangani perkara ini. “Patut ada kompromi antara cadangan kami dan SHEDA kerana pada akhirnya, pembeli rumah yang akan menikmati manfaat daripada

semua ini. “Saya yakin dalam dua bulan lagi, kami akan mencapai penyelesaiannya,” katanya sambil menambah, kerja-kerja pembinaan boleh dimulakan tahun depan.

Abang Johari berkata demikian sebagai respons kepada permintaan Presiden SHEDA Joseph Wong berhubung cadangan tersebut pada pembukaan Ekspo Hartanah SHEDA 2015 semalam. Ekspo di Pusat Konvensyen Borneo Kuching (BCCK) itu berlangsung semalam sehingga 27 September ini. Terdahulu dalam ucapannya, Wong berkata persatuan telah menghantar cadangan bagi pembinaan rumah mampu milik di Sarawak di bawah Skim Rumah Mampu Milik SHEDA kepada pihak yang berkenaan. Katanya ahli-ahli SHEDA komited untuk membina 10,000 unit rumah mampu milik di seluruh Sarawak di Kuching, Kota Samarahan, Sibul, Bintulu dan Miri bagi tempoh lima tahun akan datang. Wong percaya menerusi skim ini, ramai masyarakat yang sebelum ini tidak layak untuk membeli rumah akan berpeluang untuk mendapatkan rumah mereka di bawah skim ini. Jelasnya lagi jika cadangan ini diluluskan, ekonomi negeri dijangka melonjak dengan jumlah nilai pertumbuhan kasar RM2.5 bilion dalam tempoh lima tahun akan datang.

Read more: <http://www.theborneopost.com/2015/09/26/kementerian-perumahan-kaji-cadangan-sheda-untuk-bina-rumah-mampu-milik/#ixzz3x0IWM13V>

Pasukan Bomba Komuniti di kampung dan perumahan DUN Pantai Damai

December 21, 2015, Monday

KUCHING: Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Damai Dr Abdul Rahman Junaidi berhasrat menubuhkan Pasukan Bomba Komuniti (PBK) di setiap kampung dan perumahan di kawasan DUN Pantai Damai. Katanya setakat ini sebanyak tujuh PBK telah ditubuhkan di DUN Pantai Damai yang mempunyai 35 kampung dan enam taman perumahan. “Sekarang kita mempunyai tujuh PBK termasuk di enam kampung dan satu taman perumahan,” katanya ketika ditemui selepas pelancaran PBK Pantai Damai di Balai Bomba dan Penyelamat Petra Jaya di sini, semalam. Hadir sama Timbalan Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sarawak PPjB Mohd Ali Bahudin.

Mengulas lanjut, Dr Abdul Rahman berkata penubuhan PBK itu penting dalam usaha membantu anggota bomba menangani sebarang kecemasan. Malah, pada masa yang sama dapat mengurangkan jumlah kerosakan dan kerugian dialami keluarga terlibat. “Harapan kita dengan pengwujudkan pasukan ini sekurang-kurangnya dapat memberi bantuan awal jika berlaku kebakaran dan kecemasan lain di kawasan Pantai Damai. “Kita akan meneruskan kerjasama dengan pihak bomba dalam menjalankan kursus lain kepada peserta baharu selepas ini, “ katanya sambil mendedahkan, seramai 64 orang daripada tujuh PBK menyertai kursus semalam.

Selain itu, jelas Dr Abdul Rahman secara tidak langsung dapat menggalakkan golongan muda menyertai pasukan beruniform di samping bergiat dalam aktiviti lebih berfaedah. Ditanya soal statistik kebakaran di kawasan itu, beliau berkata pihaknya tidak mempunyai jumlah kebakaran kerana kejadian itu berlaku secara rambang. Menjelaskan perkara itu, katanya kebanyakan kes kebakaran membabitkan rumah lama yang berusia lebih 40 tahun. “Kebakaran berpunca daripada litar pintas pada sistem pendawaian lama yang menyebabkan insiden berkenaan,” ujarnya. Beliau

menggesa pemilik rumah lama menukar sistem pendawaian baharu bagi mengelak kejadian litar pintas yang mampu mengakibatkan kebakaran.

Read more: <http://www.theborneopost.com/2015/12/21/pasukan-bomba-komuniti-di-kampung-dan-perumahan-dun-pantai-damai/#ixzz3x0IGPfCb>

Kementerian Perumahan Sarawak perkenal permohonan pelbagai lesen secara talian

April 8, 2015, Wednesday

SIBU: Kementerian Perumahan Sarawak akan memperkenalkan sistem dalam talian bagi permohonan untuk lesen pembangunan perumahan dan permit jualan atau iklan pada suku kedua tahun ini. Menteri Perumahan Datuk Amar Abang Johari Tun Abang Openg berkata sistem dalam talian bukan sahaja akan membantu mempercepat dan memendekkan proses kelulusan tetapi juga mengeluarkan notis peringatan atau notis talian kepada pemaju agar mereka mematuhi keperluan undang-undang. "Oleh itu, sepatutnya tidak ada apa-apa alasan untuk tidak mengetahui apabila mengemukakan laporan kemajuan projek sebagai con-toh, pemaju akan dimaklumkan lebih awal mengenai tarikh akhir penyerahan yang harus mereka patuhi. "Oleh itu, pemaju diminta agar memberi sokongan penuh dan kerjasama kepada kementerian dalam pelaksanaan sistem permohonan dalam talian perumahan dalam usaha kita untuk terus meningkatkan lagi penyampaian perkhidmatan kepada para pelanggan," katanya ketika merasmikan Seminar Kesedaran Pembangunan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) Ordinan 2013 dan Peraturan-Peraturan 2015 di sini semalam. Teks ucapan beliau dibaca-kan oleh Menteri Muda Perumahan Datuk Abdul Karim Rahman Hamzah.

Seminar di Sibu telah dihadiri 130 peserta yang merupakan siri terakhir selepas diadakan di Kuching, Miri dan Bintulu. Ia dianjurkan bersama oleh Kementerian Perumahan Sarawak dan Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Sarawak (SHEDA). Pada sidang media selepas itu, Presiden SHEDA Joseph Wong berkata persatuan itu menyambut baik sistem baharu tersebut kerana ia akan berfungsi sebagai peringatan bagi mereka untuk mengemukakan permohonan yang diperlukan oleh kementerian. "Ia akan memudahkan kami untuk mengelak daripada dikompaun oleh kementerian kerana terlepas tarikh akhir, contohnya untuk memperbaharui lesen kami kerana jadual kami yang sibuk," katanya. Beliau menambah, SHEDA mempunyai 200 ahli yang terdiri daripada pemaju projek dan 50 syarikat bersekutu dan ahli gabungannya yang mewakili lebih 50 peratus daripada jumlah pemaju di negeri ini.

Pada seminar itu, Wong berkata Sheda akan mengemukakan dan mendapatkan rayuan daripada kementerian untuk membuat peraturan-peraturan baharu yang boleh digunakan di kalangan pihak berkepen-tingan. Ini, katanya berdasarkan maklum balas yang dikumpul semasa siri empat seminar tersebut. Turut hadir pada majlis itu ialah Setiausaha Tetap Kementerian Perumahan Negeri Wan Lizosman Wan Omar.

Read more: <http://www.theborneopost.com/2015/04/08/kementerian-perumahan-sarawak-perkenal-permohonan-pelbagai-lesen-secara-talian/#ixzz3x0HvQjKX>

Kerajaan komited bantu rakyat miliki rumah

November 16, 2015, Monday

Tangani isu kemampumilikan, kekurangan perumahan menerusi program perumahan awam

Oleh Agnes Tugong //

KUCHING: Kerajaan akan terus memainkan peranan menangani isu-isu kemampumilikan dan kekurangan perumahan menerusi pelaksanaan pelbagai skim dan program perumahan awam. Ketua Menteri Datuk Patinggi Tan Sri Adenan Satem berkata, kerajaan tidak boleh menafikan kepesatan urbanisasi dan pertumbuhan ekonomi yang mendorong kepada permintaan perumahan yang sentiasa melebihi bekalan. Atas sebab itu, kerajaan sama ada di peringkat negeri mahupun persekutuan akan terus memperuntukkan dana dan sumber-sumber dalam menyediakan perumahan yang berpatutan. “Pelbagai pendekatan utama untuk pemilikan rumah yang lebih menarik seperti yang diumumkan oleh Perdana Menteri dalam Bajet Persekutuan 2016 merupakan testimoni komitmen tinggi kerajaan dalam menangani isu-isu perumahan mampu milik. “Di peringkat negeri pula, kerajaan negeri akan terus membida bagi peruntukan yang lebih besar diberikan kepada Sarawak untuk membina lebih banyak projek perumahan mampu milik dalam tempoh lima tahun akan datang di bawah Rancangan Malaysia Ke-11,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam teks ucapannya sempena Jamuan Malam Tahunan Persatuan Pemaju Perumahan dan Hartanah Sarawak (SHEDA) dan Anugerah Kecemerlangan 2015 di Pusat Konvensyen Borneo Kuching (BCCK), kelmarin. Teks ucapan Adenan dibacakan oleh Menteri Perumahan Datuk Amar Abang Johari Tun Abang Openg yang mewakili beliau pada majlis itu. Sempena majlis itu, Adenan turut menggesa pemaju perumahan swasta untuk turut sama memainkan peranan mereka dalam menangani isu-isu berkaitan rumah mampu milik di negeri ini. Perumahan katanya, merupakan keperluan asas masyarakat dan harus ditangani dengan sebaiknya di mana semua pihak berkepentingan harus memainkan peranan mereka dalam perkara ini. “Kerajaan mempertimbang untuk memperkenalkan satu polisi perumahan mampu milik yang tidak hanya untuk kumpulan berpendapatan rendah tetapi juga segmen berpendapatan sederhana. “Kita akan pastikan pendekatan baharu ini bertepatan dengan trend perumahan semasa dan situasi pasaran serta membantu mengurangkan isu-isu harga rumah dan mampu milik,” katanya.

Pada majlis itu, Alex Ting Kuang Kuo daripada Ting Holdings Sdn Bhd telah memenangi Anugerah SHEDA Property Man bagi tahun 2015. Anugerah Merit bagi hotel dimenangi oleh Sendayan Properties Sdn Bhd (Lot 10 Boutique Hotel, Kuching) manakala Anugerah Merit Bilik Pameran dimenangi Regas Premium Auto Sdn Bhd (Regas Premium Auto). Dua lagi anugerah pujian bagi Pelan Induk dan Pembangunan Strata masing-masing dimenangi The CMS Land Sdn Bhd (The Isthmus Kuching) dan Kenbest Sdn Bhd (The Uplands Serviced Suites Kuching). Anugerah disampaikan oleh Abang Johari yang kemudiannya turut melancarkan Direktori Keahlian SHEDA 2015-2018. Turut hadir, Menteri Muda Perumahan Datuk Abdul Karim Rahman Hamzah, Presiden SHEDA Joseph Wong Kee Liong, pengerusi penganjur Bobby Ting serta yang lain.

Read more: <http://www.theborneopost.com/2015/11/16/kerajaan-komited-bantu-rakyat-miliki-rumah/#ixzz3x0HUUpU4>

Guna pendekatan baharu bangun kawasan perumahan

July 2, 2015, Thursday

Diwujudkan kawasan hijau, rekreasi, kawasan masyarakat berinteraksi, pentingkan keselamatan

Oleh Patricia Gari //



UNTUK ALBUM: Abang Johari bergambar bersama wakil 21 NGO yang menerima geran MRP daripada beliau semalam.

KUCHING: Kementerian Perumahan akan mengguna pendekatan baharu membangunkan kawasan perumahan di kawasan bandar di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11). Menteri Abang Johari Tun Abang Openg berkata di bawah pendekatan itu ialah setiap kawasan perumahan di bandar akan diwujudkan kawasan hijau, rekreasi, kawasan untuk masyarakatnya berinteraksi antara satu sama lain dan mementingkan aspek keselamatan. Katanya masyarakat hari ini tidak boleh bergantung sepenuhnya kepada anggota keselamatan seperti polis untuk menjaga keselamatan dan ketenteraman masyarakat bandar. Pada masa sama katanya, kementerian itu akan memberi landasan baharu kepada generasi muda supaya mereka dapat memainkan peranan mengekalkan perpaduan masyarakat pelbagai kaum di negeri ini kerana ia elemen penting melayakkan bandar raya Kuching dipilih sebagai bandar raya perpaduan pertama dunia.

Generasi muda hari ini katanya, cenderung terikut-ikutkan emosi dan maklumat yang diperoleh daripada media sosial tanpa disahkan kebenarannya. "Ini cabaran yang kita hadapi untuk mengekalkan perpaduan dalam komuniti bandar kerana generasi muda hari ini akses kepada semua maklumat menerusi teknologi hari ini yang mendapat respons pelbagai sehingga mengetepikan sensitiviti kaum. "Jadi sebab itu kita minta semua pertubuhan bukan kerajaan (NGO) memainkan peranan di bawah naungan masing-masing untuk melahirkan kesedaran mengenai perpaduan ini," katanya. Beliau berkata demikian pada Majlis Penyerahan Geran Projek Kecil Luar Bandar (MRP) kepada badan-badan kebajikan, NGO dan persatuan keagamaan di pejabatnya di Wisma Sultan Tengah di sini semalam. Pada majlis itu 21 pertubuhan bukan kerajaan pelbagai latar belakang menerima geran MRP membabitkan jumlah keseluruhan RM293,000.

Abang Johari yang juga Menteri Pelancongan berkata, usaha mengekalkan lima kriteria melayakkan bandar raya Kuching diiktiraf sebagai bandar raya perpaduan mesti dilakukan dan ia memerlukan kerjasama semua pihak. Sebagai contoh katanya, NGO bandar boleh memainkan peranan dengan menganjurkan banyak aktiviti-aktiviti kemasyarakatan yang dapat memupuk semangat perpaduan

dan kesederhanaan dalam kalangan masyarakat pelbagai latar belakang. Menurutnya selain perpaduan, kriteria lain melayakkan Kuching dipilih sebagai bandar raya perpaduan ialah sistem pengajian (institusi pengajian) tinggi tersusun, kehijauan bandar, perancangan bandar dan wujud beberapa agama besar dunia namun mempunyai nilai toleransi tinggi.

Sehubungan itu katanya, Kuching akan menjadi tuan rumah Forum Bandar Raya Perpaduan Ogos depan dan pada masa itu satu deklarasi akan dibentang. Cerdik pandai dan pakar mengenai isu perpaduan akan menghadiri forum berkenaan yang dilihat platform terbaik untuk mereka berkongsi pengalaman dan kepakaran, tambahnya. "Ini adalah penghargaan yang sangat tinggi diberikan kepada Sarawak. "Sebagai rakyat, kita mesti berusaha mengekalkan pengiktirafan itu dan sudah tentu ia tidak mudah, banyak usaha bersepadu perlu dilakukan," ujarinya.

Read more: <http://www.theborneopost.com/2015/07/02/guna-pendekatan-baharu-bangun-kawasan-perumahan/#ixzz3x0H64ecu>

Projek PPA1M Kinarut dilancarkan

June 28, 2015, Sunday

Objektif projek sediakan rumah mampu milik kepada penjawat awam

KOTA KINABALU: Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Dr Ali Hamsa semalam melancarkan Projek Perumahan Awam 1Malaysia (PPA1M) Puncak Gloxinia Kinarut Selatan membabitkan pembinaan 1,296 unit kediaman. Beliau berkata objektif projek itu adalah bagi menyediakan rumah mampu milik berkualiti kepada penjawat awam dengan kumpulan sasar yang tergolong dalam kategori pendapatan bulanan di bawah RM10,000. "Projek ini untuk membantu rakyat khususnya penjawat awam muda dan berpendapatan sederhana untuk memiliki rumah berkualiti di lokasi strategik dengan harga berpatutan dan lebih rendah daripada harga pasaran," katanya. Beliau berkata demikian ketika menyempurnakan majlis pelancaran projek PPA1M dan majlis menandatangani perjanjian antara PR1MA, Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar (LPPB) serta syarikat Visa Land Sdn Bhd, di sini.

Sementara itu, Ali ketika ditemui pemberita selepas pelancaran projek itu berkata projek tersebut dibangunkan di atas tanah milik Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar dengan keluasan 6.68 hektar dan pemaju projek itu adalah syarikat Landmark Property Sdn Bhd. "Kediaman PPA1M yang berkeluasan 1,000 kaki persegi dijual kepada penjawat awam dengan harga bermula RM227,000 seunit dan projek dijangka siap dalam tempoh 36 bulan," katanya. Ali berkata setakat ini, 648 unit kediaman melibatkan tiga daripada enam blok apartmen yang bakal dibina di Kinarut itu sudah pun ditempah walaupun baru dibuka untuk penjualan. Beliau berkata penjawat awam yang membeli rumah itu tidak dibenarkan untuk menjual rumah berkenaan dalam tempoh 10 tahun bertujuan menggalakkan pemilikan rumah dalam kalangan penjawat awam. "Kalau mereka jual sebelum tempoh, mereka perlu bayar balik komponen subsidi dan ada penalti akan dikenakan sekiranya dijual, tapi itu kita akan buat perkiraan khas dengan kerajaan negeri dan pihak berkuasa," katanya. Dalam pada itu, Ali berkata beberapa tapak untuk pembangunan PPA1M fasa seterusnya di Sabah telah dikenal pasti di Tawau, Tuaran dan Sandakan.

Sebelum ini, beliau dipetik sebagai berkata sejumlah 5,000 unit rumah di bawah projek PPA1M akan dibina di Sabah pada tahun ini khusus bagi memenuhi keperluan perumahan untuk penjawat awam di negeri ini. Sementara itu, beliau berkata kerajaan turut menyasarkan pembangunan 20,000 unit rumah skim Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) di seluruh Sabah. Katanya projek PR1MA di Kinarut merupakan satu dari beberapa kawasan yang dikenal pasti kesesuaiannya untuk pembangunan perumahan itu di serata Sabah termasuk di Tawau, Sandakan, Kota Marudu, Tuaran, Sepanggar, Papar dan Beaufort. “Di Kinarut, sebanyak 502 unit apartmen akan dibina daripada 8,683 unit rumah pelbagai jenis yang telah pun diluluskan untuk penduduk Sabah,” katanya. Ali berkata bagi menjayakan projek PPA1M mahupun PR1MA, kerajaan negeri diminta memainkan peranan sewajarnya dengan memberi perhatian kepada aspek kesesuaian lokasi projek, perancangan kerajaan negeri bagi kawasan yang akan dimajukan serta aspek permintaan atau prospek pembeli dalam kalangan penjawat awam. — Bernama

Read more: <http://www.theborneopost.com/2015/06/28/projek-ppa1m-kinarut-dilancarkan/#ixzz3x0Gm7XMO>

Pemaju perumahan digesa jaga kepentingan pelanggan

April 8, 2015, Wednesday

SIBU: Pemaju perumahan di negeri ini digesa menjalankan projek masing-masing dengan tekun di samping sentiasa menjaga kepentingan pelanggan, kata Menteri Perumahan Datuk Amar Abang Johari Tun Abang Openg. Jelasnya, selain mengelak diri daripada dikenakan pe-nalti kerana tidak mematuhi undang-undang dan peraturan, ia juga membantu melindungi reputasi mereka sendiri serta imej dalam industri. “Setelah imej tercalar, sukar bagi mereka pulih semula dan mengembalikan kepercayaan dalam kalangan awam,” katanya ketika me-rasmikan Seminar Kesedaran Pembangunan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) Ordinan 2013 dan Peraturan-Peraturan 2015 di sini semalam.

Teks ucapan Abang Johari dibaca oleh Menteri Muda Perumahan Datuk Abdul Karim Rahman Hamzah selaku wakil kepada beliau pada seminar itu. Seminar yang dihadiri 130 peserta itu adalah siri terakhir selepas diadakan di Kuching, Miri dan Bintulu. Ia dianjurkan bersama oleh Kementerian Perumahan Sarawak dan Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Sarawak (SHEDA).

Abang Johari turut menggesa pemaju perumahan untuk tidak perlu menaikkan harga rumah dengan pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST). Harga rumah di Sarawak terutama di bandar-bandar utama secara umumnya di-sifatkan sebagai tidak mampu dibeli, khususnya bagi golongan berpendapatan rendah, katanya. “Oleh itu, penggiat industri tidak harus mengambil kesempatan daripada GST dengan keuntungan hasil daripadanya. “Walaupun GST mungkin membawa kepada peningkatan tertentu dalam harga rumah, tidak ada yang dapat meramalkan berapa banyak kos pembinaan ditanggung sehingga pelaksanaan GST sudah giat di-jalankan. “Malah jika ini berlaku, ia tidak seharusnya menjadi terlalu tinggi hingga membeban pembeli rumah,” katanya.

Oleh itu, beliau menggesa semua pihak untuk bertindak dengan cara yang bertanggungjawab untuk membantu mengurangkan kenaikan harga rumah. Pihak kerajaan, katanya akan turut memainkan

peranan untuk terus memantau keadaan dan bertindak mengikut peruntukan undang-undang semasa. Turut hadir pada majlis itu ialah Setiausaha Tetap Kementerian Perumahan Negeri Wan Lizosman Wan Omar dan Presiden SHEDA Joseph Wong.

Read more: <http://www.theborneopost.com/2015/04/08/pemaju-perumahan-digesa-jaga-kepentingan-pelanggan/#ixzz3x0GUsMBN>

Pembeli rumah terus dilindungi

April 3, 2015, Friday

Oleh Abang Ismail Abang Su'ud //

Pindaan ordinan, peraturan elak projek perumahan terbiar: Abd Karim



SIDANG MEDIA: Abdul Karim (tengah) bersama Joseph (kiri) dan Wan Lizosman pada sidang media di Bintulu semalam.

BINTULU: Perubahan pindaan ordinan dan peraturan perumahan dibuat Kementerian Perumahan Sarawak untuk Ordinan 1993 kepada Ordinan (Kawalan dan Pelesenan) Pembangunan Perumahan 2013 dan Peraturan 1998 sebelum digantikan dengan Peraturan (Kawalan dan Pelesenan) Pembangunan 2014 bertujuan melindungi pembeli rumah sekali gus mengurangkan risiko projek perumahan terbiar.

Menteri Muda Perumahan, Datuk Abdul Karim Rahman Hamzah berkata apa yang Kementerian Perumahan mahukan ialah Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Sarawak (SHEDA) mengikut ordinan dan peraturan pembangunan perumahan di negara ini agar lebih melindungi pembelian rumah oleh pembeli supaya risiko projek perumahan terbiar dapat dikurangkan. Katanya, dengan memperkukuh ordinan itu maka mengurangkan risiko projek perumahan terbiar sekali gus memberi pemaju menggunakan bayaran ansurans projek itu daripada Akaun Pembangunan Perumahan (HDA) untuk tujuan lain. "Beberapa perubahan ke atas pasaran perumahan hari ini memperlihatkan ramai

pemaju terjun kepada pasaran modal sehingga harga meningkat. “Tetapi, sekiranya projek-projek perumahan dimajukan tiada pembeli dan projek rumah itu terus berkeadaan begitu manakala pinjaman bank terus berjalan,” katanya di sini semalam.

Menurutnya, tindakan itu sama ada memberi kebaikan ataupun tidak kepada mereka namun sekiranya lebih banyak rumah dibina harga mungkin turun terutamanya di Bintulu. Beliau berkata demikian selepas merasmikan Seminar Ordinan (Kawalan dan Pelesenan) Pembangunan Perumahan 2013 dan Peraturan (Kawalan dan Pelesenan) Pembangunan Perumahan 2014 dan Peraturan (Pindaan) (Kawalan dan Pelesenan) Pembangunan Perumahan 2015 anjuran Kementerian Perumahan Sarawak dan SHEDA di sini semalam.

Menteri Muda Pembangunan Belia (Bandar) itu berkata, setiap tahun sedikit kenaikan harga rumah tidak dijangka berlaku sama ada di Bintulu, Kuching mahupun Miri. “Apabila berlaku lebih permintaan dalam sektor hartanah pastinya berlaku kenaikan harga,” katanya sambil menambah kesan sektor perumahan juga diperhatikan akibat pengenalan kepada pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST). Justeru itu, Abdul Karim berkata mungkin berlaku sedikit kenaikan harga tetapi peratus kenaikannya belum dapat dilihat dan pada akhirnya harga rumah masih mengikut harga pasaran. “Pemaju boleh menaikkan harga sehingga dua ke tiga peratus tetapi pada akhirnya pengguna menentukannya,” jelasnya.

Beliau berkata, seminar itu merupakan siri seminar industri perumahan dengan tujuan menjelaskan mengenai perubahan dalam ordinan pembangunan perumahan dan peraturannya. Katanya, sebelum ini beberapa percubaan mengenai perkara berkaitan dalam dialog awam diadakan dalam usaha untuk memperkukuh ordinan berkaitan. “Seperti ordinan dan akta perumahan dipraktikkan di Semenanjung Malaysia yang perlu diambil perhatian khususnya mengenai perubahan cara pembinaan merujuk kepada gaya hidup dan konsep rumah berubah menurut ordinan dan peraturan baharu itu,” katanya.

Abdul Karim berkata, sekiranya berlaku kenaikan harga rumah kesan pelaksanaan GST pihaknya belum dapat memperkatakan serta perlu melihat pelaksanaan percukaian itu sepenuhnya. “Bagi kerajaan, kami memerlukan maklum balas daripada SHEDA dan orang awam mengenai bagaimana cara mengurangkan kos pembinaan, cuba membuat perubahan dalam usaha menurunkan harga rumah melalui pelaksanaan akta berkaitan,” katanya. Hadir sama Setiausaha Tetap Kementerian Perumahan, Dr Wan Lizozman Wan Omar dan Presiden SHEDA, Joseph Wong.

Read more: <http://www.theborneopost.com/2015/04/03/pembeli-rumah-terus-dilindungi/#ixzz3x0G66AtU>